



SENARAI SEMAK KRITERIA 1

NAMA PBT: **MAJLIS DAERAH KAMPAR**

PEMBANGUNAN BLUEPRINT / PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR

(Telah mempunyai sekurang-kurangnya Draf Awal)

- 1) Sila Muatnaik Blueprint/ Pelan Tindakan Bandar Pintar
- 2) Sila lengkapkan maklumat berkaitan kandungan Blueprint/ Pelan Tindakan Bandar Pintar:

Bil	Perkara	Tandakan (/) jika ada	Muka Surat <i>Sila nyatakan muka surat</i>
1	Libat urus (Bahagian/ jabatan dalaman, Agensi luar, Penduduk; dan Pemain industri;	/	1-16
2	Menterjemah Komponen Rangka Kerja Bandar Pintar;	/	2-32 hingga 2-36 dan 3-11
3	Penerapan agenda Dasar dan Strategi Negara, Negeri dan Daerah;	/	1-6
4	Kawasan kajian berasaskan Blok Perancangan / Daerah / Pihak Berkuasa Tempatan;	/	1-13
5	Strategi Pembangunan (Misi, Visi, Objektif);	/	3-2
6	Penyenaraian isu dan masalah, cabaran perbandaran;	/	2-18 hingga 2-25
7	Cadangan Inisiatif Bandar Pintar melibatkan inter-agency	/	4-3 hingga 4-9
8	Wujud “Time Frame” (Quick Win, Short Term, Long Term);	/	4-2 dan perincian 3-12 hingga 3-66
9	Matriks Penerapan MS ISO 37122:2019	/	3-11
10	Tadbir Urus Pengurusan Pelaksanaan	/	Bab 4

- 3) Senaraikan **komponen bandar** pintar yang telah diambil kira di dalam penyediaan *Blueprint/ Pelan Tindakan*:

Bil	Komponen	Tindakan (/) jika ada	Muka Surat <i>Sila nyatakan muka surat</i>
1	Smart Government	/	3-10 *perincian di 3-12 hingga 3-66
2	Smart Economy	/	3-10 *perincian di 3-12 hingga 3-66
3	Smart People	/	3-10 *perincian di 3-12 hingga 3-66
4	Smart Living	/	3-10 *perincian di 3-12 hingga 3-66
5	Smart Mobility	/	3-10 *perincian di 3-12 hingga 3-66
6	Smart Environment	/	3-10 *perincian di 3-12 hingga 3-66
7	Smart Digital Infrastructure	/	3-10 *perincian di 3-12 hingga 3-66

APUDG®



KAJIAN PELAN TINDAKAN **BANDAR PINTAR KAMPAR**

2030

LAPORAN DRAF AKHIR
Julai 2024

Pernyataan Hak Cipta dan Hak Milik Intelekt:

Kandungan dalam dokumen ini disediakan oleh Akitek Jururancang (Malaysia) Sdn Bhd dan AJM-Planning and Urban Design Group Sdn Bhd sebagai perkhidmatan kepada pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Melainkan dinyatakan, hak cipta dan hak milik intelek yang lain (seperti reka bentuk, pelan, peta, ilustrasi, grafik dan lain-lain) menjadi milik Akitek Jururancang (Malaysia) Sdn Bhd, AJM-Planning and Urban Design Group Sdn Bhd serta Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Kandungan dalam dokumen ini seperti teks, imej dan grafik tidak boleh dicetak semula, dipamer, diolah, diguna semula, disiarkan atau diberikan kepada mana-mana pihak, kecuali dengan kebenaran Majlis Bandaraya Pasir Gudang untuk kegunaan bukan komersial. Kebenaran untuk kegunaan lain harus mendapat kebenaran daripada Akitek Jururancang (Malaysia) Sdn Bhd dan AJM-Planning and Urban Design Group Sdn Bhd serta Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

© 2024

LOG DOKUMEN	
Nama Projek	KAJIAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030
Kod Projek	AP2328
Versi	01 02 03 04
Peringkat	PERINGKAT 2: DRAF AKHIR
Tajuk Laporan	LAPORAN DRAF AKHIR KAJIAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030
Status	DRAF AKHIR
Pengarang	Akitek Jururancang (Malaysia) Sdn Bhd AJM-Planning and Urban Design Group Sdn Bhd
Saiz Laporan	A4 POTRET
Tarikh Serahan	JULAI 2024




Disediakan oleh:

Akitek Jururancang (M) Sdn Bhd
AJM-Planning and Urban Design Group Sdn Bhd
8 Suria, Block A, Jalan PJU 1/42,
47301 Petaling Jaya, MALAYSIA

T +603 7887 5801
+603 7887 5802
F +603 7887 5803
E apudg@apudg.com
W www.apudg.com

APUDG®



KAJIAN PELAN TINDAKAN **BANDAR PINTAR KAMPAR**

20 30

LAPORAN DRAF AKHIR

ISI KANDUNGAN

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	KANDUNGAN LAPORAN DRAF AWAL PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	1-3
1.2	MATLAMAT, KEPERLUAN, OBJEKTIF KAJIAN DAN OUTPUT UTAMA	1-4
1.3	ASAS PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	1-6
1.4	KAWASAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	1-12
1.5	PROSES PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR	1-16

BAB 2: PROSPEK BANDAR PINTAR KAMPAR

2.1	INISIATIF PINTAR SEDIA ADA MDKpr	2-4
2.2	FOKUS BANDAR PINTAR BERDASARKAN KEUNIKAN DAERAH KAMPAR	2-12
2.3	KESEDIAAN PENDUDUK MENGENAI BANDAR PINTAR	2-16
2.4	RUMUSAN SWOT BERKAITAN BANDAR PINTAR DAERAH KAMPAR	2-18
2.5	DRAF PELAN STRATEGIK MAJLIS DAERAH KAMPAR 2022-2025	2-26
2.6	RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERAK 2040	2-27
2.7	PERAK SEJAHTERA 2030	2-28
2.8	PELAN TINDAKAN EKONOMI DIGITAL NEGERI PERAK 2023-2030	2-29
2.9	PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) 2022-2025	2-30
2.10	PELAN PERINDUSTRIAN PERAK	2-31
2.11	RANGKA KERJA BANDAR PINTAR MALAYSIA 2018-2025	2-32
2.12	STANDARD INDIKATOR BANDAR PINTAR MS ISO 37122:2019	2-38

BAB 3: HALA TUJU DAN CADANGAN PROJEK

3.1	KERANGKA PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR KAMPAR	3-2
3.2	RUMUSAN TAHAP PELAKSANAAN 85 INDIKATOR BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	3-8
3.3	CADANGAN PROJEK, PROGRAM DAN PANDUAN BANDAR PINTAR KAMPAR	3-10
3.4	CADANGAN PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DIGITAL KAMPAR	3-67

BAB 4: PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN

4.1	PELAN PELAKSANAAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	4-2
4.2	PELAN PELAKSANAAN CADANGAN PROJEK BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	4-3
4.3	ROADMAP PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	4-6
4.4	JENIS PEMBIAYAAN CADANGAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	4-10
4.5	CADANGAN PENUBUHAN UNIT BANDAR PINTAR MDKpr	4-14
4.6	STRUKTUR TADBIR URUS PELAKSANAAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	4-18
4.7	PENGURUSAN EKOSISTEM BANDAR PINTAR KAMPAR 2030	4-19
4.8	PENGURUSAN DATA	4-20
4.9	MODEL KEMATANGAN BANDAR PINTAR	4-21

SENARAI RAJAH

1.1	Kandungan Laporan Draf Awal Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030	1-3
1.2	Sintesis Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 Kepada Dokumen Perancangan Bandar Pintar	1-6
1.3	Lokasi MDKpr di Semenanjung Malaysia	1-13
1.4	Guna Tanah Semasa Kampar 2023	1-14
1.5	Zon Guna Tanah Kampar 2030	1-15
2.1	Liputan 5G dan 4G di Negeri Perak	2-5
2.2	Kelajuan Internet di Kampar	2-5
3.1	Kerangka Pembangunan Bandar Pintar Kampar	3-2

SENARAI JADUAL

1.1	Rumusan Dasar dan Perancangan Utama Berkaitan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030	1-6
2.1	Inisiatif Bandar Pintar Sedia Ada oleh MDKpr	2-8
2.2	Inisiatif Bandar Pintar Sedia Ada di MPS oleh Agensi Selain MDKpr	2-9
2.3	Penjajaran Isu Daerah Kampar dengan <i>Smart Solution</i>	2-20
2.4	Penjajaran Potensi Daerah Kampar dengan <i>Smart Solution</i>	2-24
2.5	Strategi dan Program Utama Ekonomi Digital	2-29
2.6	Penjajaran 10 Indikator MS ISO 27133:2019	2-40
4.1	Pelaksanaan dan Pemantauan Cadangan Projek Bandar Pintar 2030	4-3
4.2	Pelaksanaan dan Pemantauan Cadangan Program Bandar Pintar 2030	4-7
4.3	Pelaksanaan dan Pemantauan Cadangan Panduan Bandar Pintar 2030	4-8
4.4	Jenis Pembiayaan Cadangan Pelan Tindakan	4-10
4.5	Perincian Kerjasama yang Boleh Dipraktikkan Bagi Pelaksanaan Cadangan Pelan Tindakan	4-11
4.5	Jenis Pembiayaan dan Kerjasama Yang Boleh Dilaksanakan Bagi Pelaksanaan Cadangan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030	4-13



Bab 1

Pendahuluan

Mengandungi pengenalan, kandungan Laporan Draf Akhir, keperluan kajian, matlamat dan objektif kajian serta penerangan kawasan kajian

1.0

PENDAHULUAN

Bandar pintar ialah bandar inovatif yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta teknologi termaju untuk menangani isu dan cabaran perbandaran. Bandar pintar akan meningkatkan kualiti hidup, kecekapan operasi dan perkhidmatan bandar serta daya saing dari aspek fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Teknologi digital diterjemahkan kepada perkhidmatan awam dengan lebih baik untuk kegunaan penduduk dan pemeliharaan sumber yang mampan kepada alam sekitar.

Merujuk kepada Standard Indikator Bandar Pintar Malaysia MS ISO 27133: 2019, terdapat 85 indikator untuk mendapatkan penarafan sebuah bandar pintar berdasarkan standard global. Usaha ini memerlukan tindakan bersepadu Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dan pelbagai jabatan/agensi kerajaan, pihak swasta dan pihak berkepentingan lain bagi membangunkan daerah Kampar sebagai daerah yang pintar.

MDKpr telah melaksanakan pelbagai inisiatif bandar pintar dan penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 merupakan antara syarat yang perlu dipenuhi untuk penarafan bandar pintar Tahap 1: *Smart City Early Adopter*.




1.1

KANDUNGAN LAPORAN DRAF AKHIR PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030

Laporan Draft Akhir Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 ini merupakan laporan ketiga hasil dari Peringkat 3 : Perincian dan Pengesahan Cadangan. Laporan ini mengandungi empat (4) bab seperti berikut bertujuan mengukuhkan penyediaan pelan tindakan selaras dengan matlamat dan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Rajah 1.1 : Kandungan Laporan Draft Akhir Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030

Sumber: Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030



1.2 MATLAMAT, KEPERLUAN, OBJEKTIF KAJIAN DAN OUTPUT UTAMA

KEPERLUAN KAJIAN

- Menghasilkan satu Pelan Tindakan Bandar Pintar yang komprehensif merangkumi perancangan fizikal, spatial dan perancangan teknologi serta strategi pelaksanaan bandar pintar di kawasan MDKpr untuk tempoh perancangan sehingga tahun 2030;
- Merealisasikan aspirasi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Perak; dan
- Selaras dengan Perak Sejahtera 2030 berkaitan ekonomi digital negeri Perak untuk menjadikan Perak sebagai wilayah yang maju, lestari dan berdaya saing menjelang 2030.

MATLAMAT KAJIAN

“Menyediakan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 sebagai rujukan kepada pihak berkuasa tempatan, semua agensi pelaksana dan pihak berkepentingan (stakeholders) bagi merealisasikan Kampar sebagai sebuah bandar pintar berdaya huni, hijau dan inklusif menjelang 2030”.

OBJEKTIF KAJIAN

- Menterjemahkan **Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2018–2025 dan dasar-dasar peringkat global, negara, negeri dan tempatan** kepada Pelan Tindakan Bandar Pintar;
- Menjadikan **ICT dan IoT sebagai platform** dalam meningkatkan fungsi daerah Kampar sebagai bandar pintar;
- Menyediakan **cadangan inisiatif bandar pintar** merangkumi projek/program bagi memandu arah perancangan dan pembangunan bandar pintar di daerah Kampar;
- Meletakkan daerah Kampar **setanding bandar pintar lain** melalui penarafan bandar pintar di dalam menyokong agenda nasional ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Pintar selaras dengan RMK12 dan RFN4;
- Memperkasakan penduduk daerah Kampar melalui **pembudayaan teknologi sebagai gaya hidup**; dan
- Mewujudkan **ekosistem tadbir urus bandar pintar** bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan bandar melalui data *driven decision making*.

OUTPUT KAJIAN

- Strategi pembangunan bandar pintar MDKpr
- Pelan tindakan pelaksanaan bandar pintar MDKpr
- Pelan pengurusan dan pelaksanaan bandar pintar MDKpr



7 KOMPONEN BANDAR PINTAR



Smart Government

Menyediakan perkhidmatan e-kerajaan dan perkongsian maklumat antara orang awam dan kerajaan adalah berkualiti tinggi dan mudah diakses.



Smart Economy

Kadar penggunaan ICT yang tinggi dalam ekonomi akan merangsang produktiviti dan inovasi dalam semua sektor. Tonggak ini merujuk kepada persekitaran ekonomi yang kompetitif dan menarik.



Smart Living

Keperluan kebolehlaksanaan bandar dapat diuruskan dengan baik melalui penggunaan teknologi moden untuk menangani isu keselamatan, dan menyediakan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi dan keperluan pendidikan.



Smart People

Memotivasikan penduduk bandar untuk mengamalkan amalan hijau dan rendah karbon, serta melahirkan pekerja mahir dalam teknologi dan pembangunan kemahiran digital.



Smart Environment

Teknologi digital yang dapat menangani keperluan alam sekitar bandar seperti menyediakan perkhidmatan pemantauan untuk pengurusan sumber yang mampan, membina bandar yang tahan bencana, dan menyumbang kepada persekitaran yang lebih bersih.



Smart Digital Infrastructure

Menaik taraf infrastruktur digital utama seperti liputan rangkaian yang menyeluruh, internet berkelajuan tinggi dan perlindungan data.



Smart Mobility

Memberikan penyambungan yang lancar dan cekap, serta perkhidmatan mobiliti yang selamat, terintegrasi, dan boleh dipercayai. Teknologi pintar dapat menangani keperluan pengangkutan dan mobiliti rendah karbon bagi penduduk.

Perincian komponen

- Digitalisasi perkhidmatan yang menyeluruh (*end to end*)
- Data terbuka
- Perkongsian dan integrasi data antara agensi
- *District Intelligent Operation Centre* (DIOC)
- Local Urban Observatory (LUO) ke arah *big data analytic* dan *data driven decision making*

- Pendigitalan perniagaan
- Tenaga kerja mahir
- Insentif bagi menggalakkan inovasi

- Kecekapan tindak balas kecemasan dan pencegahan jenayah
- Pendigitalan perkhidmatan kesihatan
- Reka bentuk bangunan pintar
- Pertanian pintar

- Modal insan berbakat dan berkemahiran tinggi
- Pemerkasaan komuniti pintar menggunakan pendigitalan
- Inklusiviti dan merapatkan jurang digital

- Bandar rendah karbon dan berdaya tahan
- Pengurusan sisa pepejal pintar
- Pemantauan alam sekitar pintar
- Pengurusan air dan tenaga pintar

- Meningkatkan tahap liputan jalur lebar yang menyeluruh (dalam dan luar bangunan)
- Meningkatkan tahap kualiti dan kelajuan jalur lebar
- Pelaksanaan generasi baharu jalur lebar (5G)
- Keselamatan siber dan data peribadi

- Pengurusan trafik pintar
- Pengurusan pengangkutan awam bersepadu dan pintar
- Mobiliti rendah karbon
- Kemudahan pengangkutan sokongan pintar

1.3

ASAS PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030

Pembangunan bandar pintar MDKpr disediakan selaras dengan peruntukan dasar sedia ada di peringkat kebangsaan, negeri dan tempatan. Dokumen berikut diselaraskan kepada penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 ini bagi memastikan aspirasi dan matlamat yang ingin dicapai adalah sejajar dengan peruntukan dasar sedia ada.

Rajah 1.2: Sintesis Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 Kepada Dokumen Perancangan Bandar Pintar

Sumber: Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030

Dasar Pembangunan Bandar Pintar	Perancangan Spatial	Polisi Bukan Spatial
 Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2018-2025 i. Pelan Jaringan Digital Negara (JENDELA) 2021 – 2025 ii. Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara iii. Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) iv. Pelan Strategi Pendigitalan Sektor Awam 2021–2025 v. Pelan Hala Tuju Strategik IoT   Standard Indikator Bandar Pintar (MS ISO 37122:2019) dibaca bersama Malaysia National Annex:2023	 Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)	KEBANGSAAN i. SDGs 2030 ii. Agenda Perbandaran Baharu (NUA) iii. Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021–2025 (RMK12) iv. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) v. Pelan Induk Teknologi Hijau 2017–2030 vi. Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon vii. <i>New Industrial Master Plan 2030</i> viii. Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu (MyRER–Malaysia <i>Renewable Energy Roadmap</i>) 2022–2035 ix. Malaysia <i>National Artificial Intelligence Roadmap</i> 2021–2025 x. Dasar Pengangkutan Negara 2019–2030 xi. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021–2030 xii. <i>National Internet of Things (IoT) Strategic Roadmap</i> xiii. Malaysia <i>Renewable Energy Roadmap</i> xiv. Dasar Pengangkutan Negara 2019–2030 xv. <i>Low Carbon Mobility Blueprint</i> 2021–2030 xvi. Dasar Pendidikan Digital (2023)
 Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2023–2030  Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 2022–2025  Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 2021–2025  Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 (Perak Pintar 2040)	 Rancangan Struktur Negeri Perak 2040	NEGERI  Pelan Perak Sejahtera 2030  Pelan Perak Lestari 2030  Pelan Perindustrian Perak (P3)
 Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar KAMPAR 2030	 Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Penggantian) [No. Warta 1267]	TEMPATAN i. Kajian Semula Pelan Strategik MDKpr (Pindaan Bagi Tahun 2023) ii. Pelan Strategik ICT — MDKpr (2021–2025)


Jadual 1.1 : Rumusan Dasar dan Perancangan Utama Berkaitan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030

Sumber: Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030

Laporan Berkaitan	Rumusan Penekanan Dasar dan Perancangan	Perkaitan Dengan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar
Sustainable Development Goals (SDGs) 	Pembangunan bandar pintar adalah selaras dengan SDGs dengan perincian pembangunan bandar lebih kepada SDG 9 dan SDG11. <i>SDG9: Build resilient infrastructure, promote inclusive and sustainable industrialization and foster innovation</i> <i>SDG11: Sustainable cities and communities</i>	Pembangunan bandar pintar adalah menepati matlamat pembangunan bandar yang mampan.
Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda) 	Para. 66 <i>"We commit to adopt a smart city approach, which makes use of opportunities from digitalization, clean energy and technologies, as well as innovative transport technologies, thus providing options for inhabitants to make more environmentally friendly choices and boost sustainable economic growth and enabling cities to improve their service delivery"</i>	Pembangunan bandar pintar yang tertumpu kepada penggunaan teknologi dan pembangunan mampan mampu meningkatkan mutu perkhidmatan pembangunan bandar
Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021–2025 (RMK12) 	Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah Bidang Keutamaan B: Membangunkan Bandar yang Mampan - Strategi B1 Menggalakkan Perancangan dan Tadbir Urus Bandar yang Berkesan <i>Menggalakkan Pendekatan Bandar Mampan dan Pintar</i> Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan Bidang Keutamaan A: Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan - Strategi A1 Menuju ke arah Negara Rendah Karbon <i>Menggalakkan Bandar dan Perbandaran Hijau yang Berdaya Tahan</i> Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju Bidang Keutamaan A: Memperhebat Ekonomi Digital - Strategi A2 Memperkukuh Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Digital <i>Memudah Cara Penerimaan Teknologi Baru Muncul dan Teknologi Alternatif</i>	Pembangunan bandar pintar adalah termasuk pendekatan pembangunan rendah karbon, bersih, berdaya tahan dan penggunaan teknologi terkini dari segi penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan digital untuk pembangunan bandar
Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) 	PD 4 : Peningkatan Infrastruktur Digital dan Pintar Strategi PD 4.1 – Memastikan pembangunan infrastruktur yang menuju ke arah <i>Smart Nation</i> - Tindakan 4.1A: Penyediaan infrastruktur digital yang menyeluruh dan berkapasiti tinggi Strategi PD 4.2 – Memastikan pelaksanaan agenda bandar pintar yang komprehensif - Tindakan 4.2A Memperkukuh perancangan bandar pintar yang menyeluruh di peringkat negeri, wilayah dan tempatan berpandukan kepada rangka kerja bandar pintar Malaysia	Pembangunan bandar pintar adalah berteraskan pembinaan infrastruktur digital yang menyeluruh dan berkapasiti tinggi untuk memastikan <i>service delivery</i> yang efektif di peringkat perbandaran.

Jadual 1.1 : Rumusan Dasar dan Perancangan Utama Berkaitan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 – sambungan

Sumber: Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030

Laporan Berkaitan	Rumusan Penekanan Dasar dan Perancangan	Perkaitan Dengan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar
Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) 	Prinsip 3 : Ekonomi Bandar yang Berdaya Saing Strategi 3.1.2 Pengukuhan aplikasi digital ke arah pewujudan Bandar Pintar - Tindakan 3.1.2.1 Menambah baik penyediaan perkhidmatan bandar melalui penggunaan aplikasi digital. - Tindakan 3.1.2.2 Menggalakkan penggunaan aplikasi digital melalui penyebaran maklumat dan latihan (<i>hands-on</i>) kepada orang awam.	Pembangunan bandar pintar lebih tertumpu kepada penyediaan sebuah aplikasi digital sebagai penyampai maklumat.
Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2018–2025 	- Menggariskan tujuh (7) komponen utama dan fokus bandar pintar iaitu: <i>Smart Economy, Smart Living, Smart Environment, Smart People, Smart Government, Smart Mobility</i> dan <i>Smart Digital Infrastructure</i>. - Definisi bandar pintar: <i>“Cities that use ICT and technological advancement to address urban issues including to improve quality of life, promote economic growth, develop sustainable and safe environment and encourage efficient urban management practices”</i>	Agenda bandar pintar nasional adalah pendekatan holistik kepada 7 komponen bandar pintar dengan ciri-ciri yang tertentu. Kesemua komponen dan ciri-ciri terhad kepada penggunaan ICT dan teknologi.
Pelan Induk Teknologi Hijau 2017–2030 	Menggariskan beberapa pendekatan dan teknologi yang menyokong pembangunan bandar pintar seperti <i>smart grid technology, smart meter, smart monitoring and metering equipment</i> dan juga pelaksanaan projek seperti <i>smart partnership</i> dalam pendekatan dan pengurusan bandar yang lebih bersih dan hijau.	Penggunaan tenaga yang lebih efisien di peringkat perbandaran melalui pengukuhan inisiatif kawalan tenaga secara automatik dan kawalan <i>sensor</i> sebagai tanda komited kepada Pelan Induk ini.
Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon 	- Memperkenalkan Kaedah ‘<i>The 3M Approach</i>’ untuk pembangunan bandar rendah karbon <i>Measurement of the GHG emissions by establishing a baseline and providing periodic monitoring</i> <i>Management of low carbon development in terms of policy, targets and planning</i> <i>Mitigation of the GHG emissions through design and implementation of programmes and projects</i>	Memperkenalkan usaha di peringkat perbandaran untuk pengurangan GHG dan kawalan penggunaan tenaga melalui pendekatan teknologi dan ICT bandar pintar.


Jadual 1.1 : Rumusan Dasar dan Perancangan Utama Berkaitan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 – sambungan

Sumber: Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030

Laporan Berkaitan	Rumusan Penekanan Dasar dan Perancangan	Perkaitan Dengan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar
Standard Indikator Bandar Pintar MS ISO 37122:2019 	Menggariskan 85 indikator bandar (<i>city indicators</i>) untuk pengiktirafan bandar pintar.	Penjajaran inisiatif bandar pintar sedia ada dan dalam perancangan di peringkat Majlis Daerah Kampar untuk mendapatkan penarafan bandar pintar.
Pelan Hala Tuju Strategik IoT 	Tiga objektif utama yang disasarkan melalui pelaksanaan Hala Tuju Strategik IoT Kebangsaan: - Mewujudkan ekosistem industri IoT yang kondusif untuk merangsang pelaksanaan teknologi IoT dengan lancar - Memperkuhkan kebolehan dan keupayaan usahawan tekno (<i>technopreneurs</i>) dalam pembangunan aplikasi dan perkhidmatan yang berteraskan teknologi IoT - Menjadikan Malaysia sebagai Hab Pembangunan IoT terulung di rantau Asia.	Menggalakkan usahasama PBT dan <i>Start-up</i> untuk menjadikan kawasan pentadbiran Kampar sebagai <i>test bed</i> bandar pintar dan menyelesaikan masalah perbandaran di daerah Kampar.
Malaysia Digital Economy Blueprint (MyDigital) 	- Penekanan kepada penubuhan infrastruktur digital untuk perkhidmatan digital dan internet kepada rakyat yang lebih meluas dalam pembangunan bandar pintar. - Menggalakkan penubuhan sektor perniagaan atau <i>start-up</i> yang menyokong digitalisasi. - Peningkatan kadar <i>digital literacy</i>, perkhidmatan e-kerajaan, transaksi tanpa tunai dan <i>cloud storage</i> di peringkat daerah Kampar.	Pengukuhan infrastruktur digital di seluruh daerah Kampar sebagai mekanisme utama dalam pelaksanaan bandar pintar yang menyeluruh.
Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara 	- Pembangunan bandar pintar adalah salah satu daripada 11 sektor 4IR Nasional. - Keperluan untuk bertindak secara reaktif terhadap evolusi teknologi semasa kepada trend akan datang.	Penyediaan pelan tindakan bandar pintar dan menggunakan teknologi terkini di peringkat daerah Kampar untuk disesuaikan dengan operasi perkhidmatan perbandaran.
JENDELA 	- JENDELA berfungsi untuk memperuntukkan liputan internet yang lebih berkualiti kepada penduduk dan menjadi persediaan kepada teknologi 5G. - Di bawah Fasa 2, penggunaan penuh 5G akan mengikuti platform teguh untuk liputan 4G dicapai, sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang akan meningkatkan ketersambungan digital di seluruh negara.	Capaian liputan 4G sepenuhnya dan 5G secara bersasar mampu memberi daerah Kampar asas yang baik untuk pembangunan inisiatif dan projek bandar pintar di seluruh kawasan pentadbiran.

Jadual 1.1 : Rumusan Dasar dan Perancangan Utama Berkaitan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 – sambungan

Sumber: Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030

Laporan Berkaitan	Rumusan Penekanan Dasar dan Perancangan	Perkaitan Dengan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar
National Internet of Things (IoT) Strategic Roadmap 	- Teknologi Internet of Things (IoT) merupakan evolusi teknologi internet di mana objek (<i>things</i>) berupaya menghantar data menggunakan peranti melalui internet untuk menjana maklumat serta pengetahuan baharu, seterusnya memberi nilai tambahan dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup. - Inisiatif Digital Malaysia, <i>Digital Lifestyle</i> Malaysia dan <i>Industry4WRD</i> 2018–2025 akan memberikan sumbangan positif kepada pembangunan ekonomi Malaysia.	Penyediaan menyeluruh teknologi <i>Internet of Things</i> (IoT) akan menggalakkan pertumbuhan pembangunan ekonomi mengguna pakai elemen pintar.
Malaysia Renewable Energy Roadmap 	- Meningkatkan kapasiti campuran tenaga boleh baharu (TBB) dalam bekalan elektrik negara dan memenuhi komitmen perubahan iklim. - Memperincikan perancangan pembangunan TBB negara serta laluan terbaik untuk peralihan ke arah sistem tenaga rendah karbon.	Perancangan pembangunan tenaga boleh baharu akan menggalakkan <i>Smart Living</i> dan <i>Smart People</i> .
Dasar Pengangkutan Negara 2019–2030 	- Strategi khusus dalam menyediakan pengangkutan pintar, ketersambungan, mudah dan selamat serta memenuhi keperluan rakyat. - Membangunkan sektor pengangkutan mampan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong kesejahteraan rakyat seiring dengan status negara maju.	Pengangkutan pintar dan mampan akan menggalakkan persekitaran kehidupan dan bekerja.
Low Carbon Mobility Blueprint 	- Strategi dan pelan tindakan untuk sektor pengangkutan darat bagi mencapai pengurangan penggunaan tenaga serta pelepasan gas rumah kaca (GHG) menjelang 2030. - Menggalakkan mobiliti aktif iaitu mod pengangkutan yang dapat mengurangkan pelepasan GHG dan memberi pelbagai manfaat dari segi kesihatan fizikal serta mental, seperti berjalan kaki dan penggunaan basikal.	Penyediaan pelan tindakan yang mengambil kira elemen semasa pengangkutan awam dalam penggunaan elemen pintar.
Dasar Pendidikan Digital 	- DPD mempunyai 4 objektif, 6 teras, 18 strategi dan 41 inisiatif. Pembangunan pendidikan digital negara sangat berkait rapat dengan perkembangan teknologi digital pada peringkat global dan nasional. - Aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi elemen penting dalam sistem pendidikan.	Pembangunan pendidikan digital untuk pengajaran dan pembelajaran akan menggalakkan elemen <i>Smart People</i> .



1-11

Bangunan kedai lama di bandar Gopeng
© Imej oleh Tobi, Unsplash, Jun 2021

1.4 KAWASAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR 2030

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) terletak bersempadan dengan negeri Pahang (di bahagian timur), daerah Kinta (di bahagian utara dan barat) dan daerah Batang Padang (di bahagian selatan). Sebelum ini, Kampar merupakan sebahagian daripada daerah Kinta sebelum diisytiharkan sebagai daerah ke-10 di negeri Perak pada 21 Mei 2009.

MDKpr mempunyai keluasan 67,377.47 hektar yang meliputi keseluruhan mukim Kampar, Teja dan sebahagian mukim Sg. Raia di daerah Kinta dan sebahagian mukim Chenderiang di daerah Batang Padang.

Bandar utama bagi MDKpr ialah bandar Kampar yang terletak bersebelahan Jalan Persekutuan 1 (Ipoh–Kuala Lumpur). Bandar ini juga boleh dihubungi melalui kereta api (Landasan Berkembar Elektrik Ipoh–Padang Besar) dengan sebuah stesen di bandar Kampar.

Selain bandar Kampar, bandar Gopeng juga merupakan bandar utama di MDKpr. Bandar Gopeng yang terletak bersebelahan Lebuhraya Utara Selatan dihubungi secara terus melalui persimpangan Gopeng.

Setelah melaksanakan pelbagai inisiatif bandar pintar, kini (2024) MDKpr merancang untuk memperoleh penarafan bandar pintar selaras dengan Standard Indikator Bandar Pintar Malaysia MS ISO 37122:2019. Salah satu indikator yang menjadi penilaian dalam penarafan bandar pintar ini adalah penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar. Usaha ini juga selaras dengan perancangan di peringkat negeri Perak yang kini sedang dalam penyediaan Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 (Perak Pintar 2040).



FAKTA MENARIK KAWASAN MAJLIS DAERAH KAMPAR



Keluasan MDKpr¹

67,377.47 hektar

Keluasan Bandar Kampar⁴

1,854.09 hektar

Keluasan Bandar Gopeng⁴

1,113.17 hektar



Penduduk MDKpr (2023)²

100,324 orang

Kumpulan Umur Aktif (15–64 tahun)

MDKpr (2023)²

69.3%



Pelbagai Produk Pelancongan³

- ✓ Gua Tempurung
- ✓ Air Terjun Batu Berangkai
- ✓ Jeram Sungai Kampar
- ✓ Ladang Teh Gaharu
- ✓ Kapal Korek
- ✓ Air Terjun Sungai Salu
- ✓ Muzium Gopeng
- ✓ Muzium Perlombongan Bijih Timah Kinta
- ✓ Gua Kandu
- ✓ West Lake of Kampar
- ✓ Disney Avenue Agacia Land
- ✓ Ilham Seni@Kampar

Sumber:

¹ Laporan Terma Rujukan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030

² Murninets, 2023

³ <https://www.mdkampar.gov.my/>

⁴ Kajian Penentuan Sempadan Bandar Negeri Perak 2019






Not to Scale

Rajah 1.3 : Lokasi MDKpr di Semenanjung Malaysia

Sumber: Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030





RAJAH 1.4 GUNA TANAH SEMASA KAMPAR 2023

**BANDAR PINTAR
KAMPAR 2030**

Petunjuk

Guna Tanah Semasa


- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Infrastruktur dan Utiliti
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Tanah Kosong
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Pengangkutan

- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan/Negeri
- Stesen dan Rel Kereta Api
- ✈ Lapangan Terbang

Sempadan

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan Kawasan Pentadbiran Kampar



RAJAH 1.5 ZON GUNA TANAH KAMPAR 2030

**BANDAR PINTAR
KAMPAR 2030**

Petunjuk

Zon Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan Bercampur
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Infrastruktur dan Utiliti
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Pengangkutan


- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan/Negeri
- Stesen dan Rel Kereta Api
- ✈ Lapangan Terbang

Sempadan

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- Sempadan Kawasan Pentadbiran Kampar

1.5 PROSES PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR KAMPAR

Tujuan Laporan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030 ini disediakan adalah untuk memandu pembangunan bandar pintar Kampar. Berikut merupakan proses penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030.





Bab 2

Prospek Bandar Pintar Kampar

*Mengandung inisiatif pintar sedia ada di MDKpr,
fokus bandar pintar berdasarkan kekuatan kawasan kajian,
ketersediaan dan penerimaan penduduk tempatan*

2.0

PROSPEK BANDAR PINTAR KAMPAR

Majlis Daerah Kampar telah memulakan projek dan program berkaitan bandar pintar. Keperluan sebuah Pelan Tindakan Bandar Pintar menjadi keutamaan bagi memastikan setiap inisiatif pintar yang dibangunkan oleh setiap jabatan dalam MDKpr dapat diintegrasikan dalam satu dokumen perancangan.

Bab ini merumuskan semua inisiatif bandar pintar di MDKpr yang telah dibangunkan dengan menekankan kepada dua (2) perkara iaitu **prestasi semasa** dan **jurang prestasi semasa bandar pintar MDKpr**, seperti berikut:

Dokumen Peringkat Tempatan dan Negeri

- Draf Akhir Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 (Perak Pintar 2040) – Profil Daerah Kampar
- Draf Pelan Strategik Majlis Daerah Kampar 2022–2025
- Rancangan Struktur Negeri Perak 2040
- Perak Sejahtera 2030
- Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2023–2030
- Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2022–2025 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
- Pelan Perindustrian Perak 2030

Dokumen Peringkat Kebangsaan

- Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2018–2025

Keperluan penarafan sebagai *Smart City Early Adopter* pada 2024

- Standard Indikator Bandar Pintar (MS ISO 37122:2019)





2.1 INISIATIF PINTAR SEDIA ADA MDKpr

MDKpr berhasrat untuk menjadikan daerah Kampar sebagai bandar pintar. Usaha dan kerjasama semua pihak termasuk jabatan dalam MDKpr adalah diperlukan agar setiap inisiatif pintar dapat diintegrasikan dalam satu pelan tindakan bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan bandar pintar di daerah Kampar. Sebuah unit khas bagi menguruskan bandar pintar juga perlu ditubuhkan di MDKpr bagi memastikan pembangunan pintar di seluruh daerah Kampar dapat diurus dan dibangunkan selaras dengan Pelan Tindakan Bandar Pintar Kampar 2030.

Merujuk kepada Laporan Draft Akhir Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 (Perak Pintar 2040), terdapat sejumlah 21 inisiatif pintar yang telah dicadangkan untuk dilaksanakan di MDKpr yang selaras dengan cadangan RT Daerah Kampar 2030 (Penggantian) iaitu:



21 INISIATIF

berkaitan bandar pintar di dalam
RT Daerah Kampar 2030 (Penggantian)

**“Daerah Kampar Sebagai Hub Pendidikan, Pengeluar
Produk Pertanian dan Pelancongan Geo-Eko yang
Mampan dan Berdaya Huni”**

SMART ECONOMY

1. Aplikasi sistem fertigasi yang bersesuaian untuk pembangunan aktiviti tanaman sayur-sayuran bernilai tinggi;
2. Mengamalkan amalan pertanian baik (GAP) dan *roundtable on sustainable palm oil* (RSPO) untuk pencapaian objektif pembangunan secara mesra alam;
3. Menggunakan jentera dan mekanisasi teknologi moden yang bersesuaian (contoh: penuai buah sawit bermotor);
4. Penggunaan sistem reban tertutup untuk mencapai objektif pembangunan aktiviti ternakan haiwan secara mesra alam;
5. Mengawal aktiviti penternakan khinzir secara terkawal dan mesra alam (*close house system*);
6. Penggunaan alat pengudaraan (paddle wheel aerator) untuk mempertingkatkan produktiviti akuakultur ikan air tawar;
7. Menggalakkan penglibatan penduduk desa di dalam perusahaan industri kecil dan sederhana(IKS);

Smart Economy

Smart Living

Smart People

Smart Environment

Smart Mobility

Smart Governance

Smart Digital Infrastructure and Communication

SMART LIVING

8. Elemen bandar selamat melalui pembentukan perabot jalan seperti lampu jalan, ruangan lintasan pejalan kaki dan kemudahan ramp bagi golongan orang kelainan upaya (OKU) akan diterapkan;
9. Penggunaan tenaga solar;
10. Penggunaan lampu yang menjimatkan tenaga;

SMART ENVIRONMENT

11. Mengamalkan operasi pelupusan sampah yang bersifat mesra alam seperti pelupusan secara *sanitary land fill* dan penyediaan zon penampungan;
12. Sistem penuaian air hujan (rainwater harvesting);
13. Keupayaan hidraulik (*hydraulic capacity*) sungai-sungai kritikal banjir dan cadangan pengurusan *river peak flow* ketika hujan lebat;
14. Prinsip *resist, delay, store & discharge* dalam pelaksanaan sistem saliran dan perparitan;
15. Penggunaan bahan binaan telap air (*permeable paver*);

SMART LIVING

16. Program pembangunan modal insan usahawan dan pengurusan perusahaan;
17. Program transformasi luar bandar;
18. Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) untuk mewujudkan dan melahirkan usahawan yang berjaya;

SMART MOBILITY

19. Penggunaan kenderaan elektrik/hybrid;
20. Mereka bentuk rangkaian jalan raya yang selamat dan dapat mengawal kelajuan melalui penyediaan *traffic calming* seperti garisan kuning, bonggol (*hump*) dan sebagainya; dan

SMART GOVERNANCE

21. Mengutamakan *response time* bagi mengoptimumkan daya tampungan kemudahan keselamatan.

Laporan Draf Akhir Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 (Perak Pintar 2040) juga menggariskan pencapaian MDKpr dalam ISO Bandar Pintar:

36.18%


Pencapaian MDKpr (ISO Bandar Pintar)

25.00%	Smart Economy
34.21%	Smart Living
25.00%	Smart People
33.59%	Smart Environment
35.71%	Smart Mobility
62.50%	Smart Governance
41.67%	Smart Digital Infrastructure and Communication

Merujuk Rajah 2.1, daerah Kampar mempunyai 90.8% liputan jalur lebar 5G di kawasan berpenduduk sehingga suku ke-3 tahun 2023. Kadar kelajuan muat turun daerah adalah seperti di Rajah 2.2.


Rajah 2.1: Liputan 5G dan 4G di Negeri Perak

Sumber: Laporan Interim Smart City Blueprint Negeri Perak 2030



Rajah 2.2: Kelajuan Internet di Kampar

Sumber: Laporan Interim Smart City Blueprint Negeri Perak 2030



Status Pelaksanaan Inisiatif Bandar Pintar MDKpr Sedia Ada

Berdasarkan Laporan Terma Rujukan, berikut adalah senarai pelaksanaan inisiatif bandar pintar sedia ada di MDKpr dan potensi inisiatif yang sesuai dijalankan dalam tempoh terdekat berdasarkan Laporan Draft Akhir Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 (Perak Pintar 2040).



- i. SISPA (perakspab.gov.my) – Sistem Pengurusan Aduan bagi pengendalian aduan awam secara atas talian yang diguna pakai untuk semua PBT Perak;
- ii. ePBT – Permohonan semakan bagi pembaharuan lesen perniagaan secara atas talian di kawasan MDKpr;
- iii. OSC 3.0 Online Plus – Sistem permohonan pelan pemaian secara atas talian, bayaran melalui atas talian (PBTPay), membolehkan agensi teknikal mengulas permohonan secara maya dan keputusan diperolehi melalui sistem yang dilengkapi dengan fungsi *real-time tracking status* permohonan dan *command, control, communications, computers and intelligence* (C4i).
- iv. Sistem iSaman – Sistem pengurusan kompaun MDKpr;
- v. Sistem iSplash – Sistem pengurusan bil air semua premis milik MDKpr;
- vi. Kampar Mobile Maps – Gabungan sistem GIS yang dilapis dengan imej satelit dan diletakkan di bawah platform laman web untuk tujuan rujukan kerja di lapangan;
- vii. Program e-publisiti dan penyertaan awam – Memberi peluang masyarakat menyuarakan pendapat atau bantahan terhadap cadangan pembangunan; dan
- viii. E-Hadir – sistem kehadiran secara digital bertujuan membantu pihak pentadbiran memantau kehadiran pekerja.



- i. QR Code berinformasi bagi projek pembangunan pelancongan bandar lama Kampar melalui Ilham Seni@Kampar;
- ii. Digital payment bagi pembayaran *tipping fee* di tapak pelupusan sampah; dan
- iii. Cashless/digital payment bagi cukai taksiran, sewaan, lesen, kompaun dan bil air di <https://fpx.mdkampar.gov.my>, *ewallet*, PBTPay (<https://pbtpay.kpkt.gov.my>) dll.



- i. Lampu LED
- ii. Push Button lintasan pejalan kaki
- iii. Panic Button bagi kemudahan tandas OKU
- iv. Sistem CCTV sekitar kawasan MDKpr

Potensi Inisiatif

berdasarkan Draft Akhir
Blueprint Bandar Pintar
Negeri Perak 2040
(Perak Pintar 2040)

- Mypatil
- Jom Bayo
- iSPEKS
- CAMA
- SPAN
- idMe
- Esmat
- MyJalan
- MyInfra

- Ekonomi GIG
- QR-pay di kawasan rekreasi
- Online ticketing

- Pembelajaran digital
- Virtual clinic
- Pemantauan jenayah c4i



- i. SPAH untuk tandas awam Kompleks MDKpr dan siraman pokok di kebun kejiranan
- ii. Lampu solar LED di Dataran Niaga Jalan Batu Hijau
- iii. CCTV di tapak pelupusan sampah haram



- i. Park@Perak – Aplikasi e-*parking* di seluruh negeri Perak
- ii. Laluan khas basikal
- iii. Laluan pejalan kaki



- i. Wifi@Kampar secara percuma di Terminal1@Kampar dan kawasan sekitar (bangunan komersial dan pasar awam).



BELUM DILAKSANAKAN

Potensi Inisiatif

*berdasarkan Draf Akhir
Blueprint Bandar Pintar
Negeri Perak 2040
(Perak Pintar 2040)*

- Penggunaan solar
- Kitar semula
- *Smart dustbin*
- Program *Eco Green Market*
- eWaste
- GPS *tracker* bagi pembuangan sampah

- Pengecas Ev
- Lampu isyarat pintar
- Park@Perak
- Cycledios
- e-hailing

- Internet 5G di kawasan bandar
- MyLAPapps
- Click@Perak
- Portal Perak Digital 2.0

- Program celik digital
- Talent Perak
- Sistem kerjaya

Jadual 2.1: Inisiatif Bandar Pintar Sedia Ada oleh MDKpr

Agensi/ Peringkat	Inisiatif	Sasaran Pengguna	Mod Perkhidmatan	Pelaksanaan E2E	Capaian (API/Link)	Indikator MS ISO 37122
Inisiatif Bandar Pintar Sedia Ada di Peringkat MDKpr (Sistem/Aplikasi/Inisiatif Pintar)						
Majlis Daerah Kampar/ Tempatan	1. FPX.Kampar	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	2. Sistem E-Hadir	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1
	3. Sistem i-Saman	G2G	Dalam talian	E2E	API	1
	4. Sistem eTaksiran dan Permit Bangunan Sementara	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	5. Kampar Mobile Apps	G2G	Dalam talian	E2E	Link	1
	6. Sistem Kawalan Pintu (Hotel De Cassia)	G2C			Client Server	1
	7. Queue Management System (Majlis)	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	8. Portal Rasmi Majlis	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	9. E-mail Rasmi Majlis	G2C				1
	10. Laman Sosial Majlis	G2C	Dalam talian	E2E	API	1
	11. Aplikasi i-Saman	G2G	Dalam talian	E2E	API	1
	12. Aplikasi iSplash	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	13. Sistem Monitor Bilik Mesyuarat Majlis	G2G	Dalam talian	E2E	Link	1
	14. Sistem Siaraya	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1
	15. Sistem Pengurusan Hotel De Cassia	G2G	Dalam talian	E2E	Link	1
	16. Sistem Tempahan Online Hotel De Cassia & Agoda	G2C	Dalam talian	E2E	Link & API	1
	17. Aplikasi MyRonda	G2C	Dalam Talian	E2E	Link	1
	18. Sistem Tempahan Kemudahan Awam	G2C	Dalam Talian	E2E	Link	1

Jadual 2.2: Inisiatif Bandar Pintar Sedia Ada di MPS oleh Agensi Selain MDKpr

Agensi/ Peringkat	Inisiatif	Sasaran Pengguna	Mod Perkhidmatan	Pelaksanaan E2E	Capaian (API/Link)	Indikator MS ISO 37122
Inisiatif Bandar Pintar Sedia Ada di Peringkat MDKpr (Sistem/Aplikasi/Inisiatif Pintar)						
SUK Perak (Negeri)	1. Sistem Pengurusan Stor	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1
	2. Sistem Park@Perak	G2G	Dalam talian	E2E	API	1
	3. Sistem Marris	G2G	Dalam talian	E2E	Link	1
	4. Sistem MyAudit	G2E	Dalam talian	E2E	Intranet	1
	5. SISPA (Sistem Aduan)	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	6. Sistem E-Dewan	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1
	7. Sistem HRMIS	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1
	8. Sistem E-Dewan	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1
KPKT	1. Sistem e-PBT)	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	2. Sistem Penilaian (e-PBT)	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	3. Sistem Taksiran (e-PBT)	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1,11
	4. Sistem Kompaun (e-PBT)	G2E	Dalam talian	E2E	Link	3
	5. Sistem Kutipan (e-PBT)	G2C	-	E2E	-	3
	6. Sistem Pelesenan (e-PBT)	G2B	Dalam talian	E2E	Link	1
	7. Sistem Sewaan (e-PBT)	G2B	Dalam talian	E2E	Link	1
	8. Sistem Terimaan Pelbagai (e-PBT)	G2B	-	-	-	1
	9. Sistem Lejar Am (e-PBT)	G2G	-	-	-	1
	10. Sistem Jurnal (e-PBT)	G2E	-	-	-	1
	11. Sistem Belanjawan (e-PBT)	G2G	-	-	-	1
	12. Sistem Akaun Kena Bayar (e-PBT)	G2G	-	-	-	1
	13. Sistem Personelia & Gaji (e-PBT)	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1
	14. Sistem Pinjaman (e-PBT)	G2E	-	-	-	1
	15. Sistem Pelaburan (e-PBT)	G2E	-	-	-	1


Jadual 2.2: Inisiatif Bandar Pintar Sedia Ada di MPS oleh Agensi Selain MDKpr (sambungan)

Agensi/ Peringkat	Inisiatif	Sasaran Pegguna	Mod Perkhidmatan	Pelaksanaan E2E	Capaian (API/Link)	Indikator MS ISO 37122
Inisiatif Bandar Pintar Sedia Ada di Peringkat MDKpr (Sistem/Aplikasi/Inisiatif Pintar)						
KPKT	16. Sistem Pengurusan Wang Tunai (e-PBT)	G2B	-	-	-	1
	17. Sistem Pengurusan Projek (e-PBT)	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1
	18. Sistem Penutupan Hujung Tahun (e-PBT)	G2G	-	-	-	1
	19. Sistem OSC Online (e-PBT)	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1, 36
	20. Sistem eProfil (e-PBT)	G2E	Dalam talian	E2E	Link	1
	21. Sistem iTegur (e-PBT)	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1, 11
Lembaga Air Perak	1. Portal Rasmi Lembaga Air Perak	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
Tourism Perak Malaysia	1. Portal Rasmi Tourism Perak Malaysia	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	2. Perak Pass Plus	G2C	Dalam talian	E2E	API	1
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	1. Portal Rasmi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
	2. Koha (Pakej automasi perpustakaan perisian)	G2C	Dalam talian	E2E	Link	1
Ibu Pejabat Polis Daerah/Negeri	1. Indeks Jenayah	G2G	Dalaman	Bukan E2E	-	1
KDEB Waste Management	1. Centralized Command Centre (CCC)	G2G	Dalaman	E2E	-	1



2.2 FOKUS BANDAR PINTAR BERDASARKAN KEUNIKAN DAERAH KAMPAR

Daerah Kampar mempunyai ciri-ciri bandar yang unik dan berpotensi menjadi produk tumpuan untuk pembangunan bandar pintar. Berikut merupakan tumpuan produk yang dicadangkan.




Pelancongan pintar merujuk kepada penggunaan teknologi dan inovasi dalam industri pelancongan untuk meningkatkan pengalaman pelancong dan kecekapan operasi. Daerah Kampar sangat berpotensi sebagai kawasan tarikan pelancongan eko selaras dengan kesediaan kawasan hutan dan sungai yang menarik.

SMART TOURISM



Komponen Cadangan



Kampung Pintar merujuk kepada penggunaan kaedah inovatif untuk meningkatkan daya saing penduduk dalam membangunkan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan. Penekanan fokus ini adalah tertumpu kepada sebahagian besar penduduk kampung di daerah Kampar terutama yang mempunyai produk pelancongan eko.

SMART KAMPUNG



SMART CITIZEN- CENTRIC SERVICES



Komponen Cadangan

1. City Portal

City Portal merupakan portal atau laman web bagi pengguna tempatan yang memberikan maklumat berkaitan bandar tersebut serta perkhidmatan sedia ada yang telah disediakan di dalam kawasan pentadbiran.



2. City App

City App merupakan aplikasi bandar untuk pengguna akses lebih mudah dan cepat menggunakan telefon bimbit dalam mencari lokasi yang dituju dan mencari perkhidmatan yang tersedia.



3. Digital Signage

Digital Signage merupakan papan tanda yang mengandungi maklumat terkini untuk membantu pengguna memilih arah tuju dengan teknologi digital di dalam landskap bandar.



4. Mobility Hub Services

Mobility Hub Services merupakan perkhidmatan hab pengangkutan secara berpusat yang menyambungkan lapangan terbang, stesen bas, stesen kereta api, pejalan kaki dan laluan basikal. Hab ini akan membantu pengguna untuk mendapatkan lebih dari satu pilihan dalam memilih jenis pengangkutan mereka ke tempat yang dituju. Hab ini juga dilengkapi dengan teknologi hijau dan pengangkutan hijau seperti e-skuter dan bas elektrik.



Bandar Pintar Citizen-Centric Services merupakan konsep pintar berasaskan perkhidmatan bagi penduduk setempat dalam menjalani aktiviti harian dengan lebih mudah. Konsep pintar ini memerlukan pelbagai pihak untuk bekerjasama menggunakan satu platform bagi berkongsi maklumat dan mudah digunakan oleh semua lapisan pengguna.



FAKTA MENARIK DAERAH KAMPAR



Keluasan MDKpr

67,377.47 hektar

Keluasan Bandar Kampar

1,854.09 hektar

Keluasan Bandar Gopeng

1,1113.17 hektar

Guna Tanah Utama



Tepu Bina

67,377.47 hektar



Bukan Tepu Bina

Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. Build-operate-own 2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kejuruteraan)	1. DNB 2. Digital Perak 3. SKMM 4. JKR 5. IPD Kampar 6. Pejabat Kesihatan Daerah 7. Balai Bomba dan Penyelamat 8. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia 9. Jabatan Alam Sekitar 10. Pengusaha Telco

TUJUAN

Data yang boleh digunakan secara bebas, boleh dikongsi dan digunakan semula oleh rakyat, agensi kerajaan dan swasta untuk pelbagai tujuan. Selain itu ia juga dapat meningkatkan kualiti dan ketelusan penyampaian perkhidmatan melalui perkongsian data terbuka secara dalam talian.

PENEMUAN UTAMA

Kampar telah mempunyai *smart pole* di beberapa lokasi dan ia perlu diperluaskan mengikut pengkhususan fungsi sesebuah kawasan.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Menyediakan perkhidmatan pada satu tiang dan memudahkan penyelenggaraan agensi terlibat. Penyediaan *Smart Pole* di kawasan tumpuan penduduk bagi memudahkan pengguna mendapatkan perkhidmatan seperti liputan WIFI percuma, aduan keselamatan melalui *panic button* dan ciri kelengkapan lain yang disediakan.


DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Struktur Negeri Perak 2040
- Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2030 (Perak Pintar 2030)
- Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kampar



CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Negeri Pulau Pinang telah menyediakan garis panduan khas untuk pemasangan tiang bersepadu pintar (*smart street pole* (SSP) yang menyediakan beberapa komponen pintar yang memanfaatkan penggunaannya.



Sumber :
<https://www.penang.gov.my/images/2022/MUAT%20TURUN/GARIS%20PEMASANGAN%20SMART%20STREET%20POLE.pdf>

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal

1. Melantik operator yang menyediakan perkhidmatan lampu isyarat pintar dengan teknologi terkini seperti keselamatan (CCTV, *panic button*), lampu LED dengan *performance system*, sensor kualiti udara dan liputan 5G. 
2. Menentukan jenis dan spesifikasi sensor, kamera dan alat komunikasi yang akan digunakan serta reka bentuk sistem termasuk pengaturcaraan logik lampu isyarat, integrasi sensor dan rangkaian komunikasi yang dipersetujui untuk tempoh operasi. 
3. Menambah peletakan tiang bersepadu pintar mengikut jenis di kawasan berkepadatan tinggi, jalan utama dan jalan berkapasiti tinggi. 

Perisian Teknologi

4. Menyambung maklumat masa nyata CCTV dan *panic button* ke Pusat Kawalan Bandar Pintar MDKpr untuk penyelarasan dengan agensi terlibat jika berlaku kecemasan. 
5. Mengumpul data sensor untuk menganalisis keadaan keselamatan awam, kualiti udara dan corak penggunaan kawasan untuk tujuan pengurusan bandar yang lebih baik. 
6. Menggalakkan perkongsian paparan dan data CCTV antara agensi untuk tujuan tindak balas, kecemasan, trafik, kebersihan dan pencegahan jenayah efektif. 
7. Mengintegrasikan semua elemen pintar dalam tiang ke dalam satu sistem yang bersepadu untuk memastikan kelancaran operasi. 
8. Menjalankan pemantauan pintar kualiti udara melalui perkongsian data antara MDKpr dan Jabatan Alam Sekitar. Maklumat disambung ke Pusat Kawalan Bandar Pintar MDKpr untuk tujuan pemantauan kualiti alam sekitar dan keselamatan. 

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Penyelenggaraan

9. Menjalankan ujian tiang bersepadu pintar untuk memastikan kecekapan dan keselamatan selepas selesai pemasangan. Penyesuaian perlu dilakukan berdasarkan keputusan ujian. 
10. Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan berkala dan pembaikan bagi peranti mikromobiliti untuk memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan baik. 

 **Quick Win**
(<2 tahun)

 **Pendek**
(3 tahun)

 **Sederhana**
(5 Tahun)

 **Panjang**
(> 5 tahun)



PROJEK 7 Pencapaian Pintar

MS ISO37122:2019	7.6, 7.8
Indikator Bandar Pintar	6, 7
Blueprint Perak	SL D2.2, SM D5.1
Cadangan Lokasi	Kawasan Rekreasi, Jalan Majlis, Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. Build-operate-transfer 2. Build-operate-own 3. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities



Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kejuruteraan)	1. TNB
2. Jabatan Kerja Raya	2. Pemaju
	3. Solution Provider

TUJUAN

Pencapaian pintar dapat menjimatkan tenaga, mengurangkan kesan karbon, mengesan pergerakan yang membolehkan pencapaian dan pemalapan dinamik.

PENEMUAN UTAMA

Daerah Kampar mempunyai beberapa kawasan yang mempunyai pencapaian pintar tetapi terhad kepada penggunaan lampu LED dan sensor sahaja.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Meningkatkan keselamatan kawasan-kawasan tumpuan utama dan keselamatan jalan raya.

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Struktur Negeri Perak 2040
- Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2030 (Perak Pintar 2030)
- Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Penggantian)
- Panduan Pelaksanaan Bandar Pintar di Peringkat Cadangan Pemajuan, PLANMalaysia

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Eco-Greenery outdoor lighting system menjaga tenaga melalui angin dan solar. Tenaga yang dijana disimpan dalam bateri terbina dalam, yang bermaksud lampu jalan boleh berfungsi tanpa bergantung kepada sumber elektrik. Terdapat sensor di tiang yang boleh mengesan banjir dan menghantar amaran kepada pihak berkuasa untuk memantau paras air banjir pada setiap masa.



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal

- Melantik operator bagi menyediakan perkhidmatan memasang lampu jalan pintar di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan, termasuk menggantikan lampu sedia ada dengan lampu LED yang lebih cekap tenaga dan boleh dikawal secara pintar.
- Meluaskan penukaran lampu LED di semua jalan dalam kawasan pentadbiran MDKpr termasuk jalan milik majlis, Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan dengan kerjasama MDKpr dan JKR.

Perisian Teknologi

- Mengintegrasikan sistem pengurusan prestasi cahaya ke dalam lampu jalan pintar untuk membolehkan pemantauan dan kawalan prestasi cahaya secara automatik berdasarkan keadaan persekitaran.
- Melaksanakan *performance system* dengan sambungan operasi semua tiang lampu di kawasan MDKpr untuk operasi selenggara.

Operasi dan Penyelenggaraan


- Memantau operasi harian lampu jalan pintar, menjalankan penyelenggaraan berkala seperti pembersihan dan pembaikan serta memantau prestasi cahaya secara berterusan.
- Melaksanakan *performance system* dengan sambungan operasi semua tiang lampu di kawasan MDKpr untuk operasi selenggara.
- Mengintegrasikan sistem pengurusan prestasi cahaya ke dalam lampu jalan pintar untuk membolehkan pemantauan dan kawalan prestasi cahaya secara automatik berdasarkan keadaan persekitaran.
- Menjalankan ujian prestasi cahaya untuk memastikan ketepatan tahap pencapaian berdasarkan keperluan, dan kecekapan penggunaan tenaga. Penyesuaian perlu dilakukan berdasarkan keputusan ujian.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



PROJEK 8 Lampu Isyarat Pintar

MS ISO37122:2019	19.9
Indikator Bandar Pintar	9
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Jalan Majlis, Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build-operate-own</i> 2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities

Agensi Peneraju

- MDKpr (Jabatan Kejuruteraan)
- Jabatan Kerja Raya

Agensi Sokongan

- TNB
- Solution Provider*

TUJUAN

Menghubungkan kawalan lampu isyarat di sepanjang jalan utama yang mempunyai LOS D,E,F di waktu puncak.

PENEMUAN UTAMA

Daerah Kampar menjadi tumpuan utama pada hari perayaan terutama sekali perayaan Aidilfitri. Jalan utama Kampar dijadikan laluan alternatif bagi mengelak kesesakan lebuh raya Plus yang menuju ke arah utara.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Meningkatkan keselamatan kawasan-kawasan tumpuan utama, keselamatan jalan raya dan mengurangkan kesesakan lalu lintas

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Kawasan Majlis Bandaraya Melaka

Melaka telah menerapkan lampu isyarat pintar yang di sediakan oleh JKR Negeri tersebut bagi mengatasi masalah lalu lintas di waktu kemuncak iaitu pekerjaan dan perayaan .



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal

- Melantik operator yang menyediakan perkhidmatan lampu isyarat pintar dengan teknologi terkini seperti sensor, AI, IoT dan komunikasi V2X (*Vehicle-to-Everything*) tanpa keperluan mengorek jalan tanah dan hanya meletakkan sensor di tiang.
- Menentukan jenis dan spesifikasi sensor, kamera dan alat komunikasi yang akan digunakan serta reka bentuk sistem termasuk pengaturcaraan logik lampu isyarat, integrasi sensor dan rangkaian komunikasi yang dipersetujui untuk tempoh operasi.
- Menambah peletakan lampu isyarat pintar di kawasan berkepadatan tinggi, jalan utama dan jalan berkapasiti tinggi.

Perisian Teknologi

- Memperoleh trend dan maklumat trafik seperti jenis dan jumlah kenderaan, waktu puncak dan mendapatkan impak pengurangan waktu menunggu di persimpangan secara automatik.
- Menyambung maklumat *real time* ke Pusat Kawalan Bandar Pintar MDKpr dan menyelaraskan integrasi lampu isyarat pintar dengan sistem keselamatan jalan raya.
- Menjalankan ujian keberkesanan dan keselamatan lampu isyarat pintar sebelum dilancarkan sepenuhnya.
- Mengoptimumkan ciri-ciri lampu isyarat pintar berdasarkan pengalaman pengguna. Kajian semula prestasi lampu isyarat pintar perlu dijalankan.
- Menyelaras integrasi lampu isyarat pintar dengan sistem keselamatan jalan raya.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)


Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)

**Perincian Umum Pelaksanaan Projek****Tindakan****Tempoh Pelaksanaan****Penyelenggaraan**

9. Menjalankan pemantauan prestasi sistem secara berterusan untuk memastikan ia berfungsi dengan baik. 
10. Menilai keberkesanan lampu isyarat pintar dalam mengurangkan kesesakan trafik dan meningkatkan keselamatan jalan raya. Laporan berkala mengenai prestasi dan manfaat sistem kepada pihak berkepentingan perlu disediakan. 
11. Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan berkala dan pembaikan bagi peranti mikromobiliti untuk memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan baik. 





PROJEK 9 Free Wifi MDKpr

MS ISO37122:2019	13.4, 18.1, 18.2, 18.3
Indikator Bandar Pintar	10, 25, 30, 31
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Bandar Kampar dan Bandar Gopeng dll
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis	1. Build-operate-transfer
Kerjasama	2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampuan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities



Agensi Peneraju

1. MDKpr (Bahagian Sistem Maklumat)

Agensi Sokongan

1. Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM)
2. Digital Nasional Bhd (DNB)
3. Pengusaha Telco
4. Pihak Pemaju
5. Solution Provider

TUJUAN

Meningkatkan liputan WiFi percuma di MDKpr dengan SKMM dan pemain utama di MDKpr

PENEMUAN UTAMA

Wifi di MDKpr masih belum disediakan secara percuma kepada penduduk setempat di tempat tumpuan awam

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Liputan WiFi percuma yang lebih meluas merapatkan jurang penduduk awam kepada perkhidmatan digital dan akan menyokong pembangunan Bandar Pintar.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Negeri Selangor

Negeri Selangor menyediakan wifi secara percuma di beberapa kawasan pusat tumpuan bagi memudahkan penduduk untuk mendapatkan akses internet.



WiFi Smart Selangor

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal

1. Memasang peralatan seperti Router dan Access Points (APs), Antena dan peralatan tambahan seperti penguat isyarat di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan.
2. Melaksanakan MDKpr Free Wifi dengan penambahan kawasan cadangan WiFi Smart Selangor di tempat-tempat awam seperti perpustakaan, rumah ibadat, pasar raya, medan selera, restoran, kolej, pejabat kerajaan dan taman rekreasi.
3. Memperluaskan perancangan dan pelaksanaan infrastruktur digital WiFi percuma di bangunan awam termasuk Hab Inovasi Rakyat.
4. Merancang strategi pemasangan WiFi pintar, termasuk lokasi-lokasi strategik untuk penempatan titik akses dan peralatan yang berkaitan.

Operasi dan Penyelenggaraan

5. Melakukan ujian bagi memastikan kelancaran rangkaian, kualiti isyarat dan penyesuaian kapasiti untuk menampung penggunaan di kawasan MDKpr.
6. Menyelenggara operasi harian rangkaian WiFi pintar, termasuk pemantauan prestasi, pengurusan kapasiti, kualiti perkhidmatan dan keselamatan.
7. Melaksanakan penilaian prestasi secara berkala untuk menilai keberkesanan dan keselamatan WiFi pintar dalam memenuhi keperluan komuniti dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



PROJEK 10 Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok

MS ISO37122:2019	5.1
Indikator Bandar Pintar	11
Blueprint Perak	SENV D1.2
Cadangan Lokasi	Kawasan Operasi MDKpr
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP)
Jenis Kerjasama	1. Build-operate-own 2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 13: Climate Action

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. Majlis Daerah Kampar (Bahagian Landskap dan Rekreasi)	1. Jabatan Landskap Negara 2. Jabatan Perhutanan Negeri Perak 3. Solution Provider

TUJUAN

Pokok merupakan komponen yang penting di dalam bandar. Pokok berfungsi sebagai pemberi oksigen dan juga menghalang pemanasan bandar.

PENEMUAN UTAMA

Daerah Kampar mempunyai kawasan hutan yang luas dan usaha pemeliharaan hutan ini berpotensi dibangunkan sebagai kawasan tarikan pelancongan. Namun pokok-pokok ini perlu dilindungi dengan rapi dan perlu pengawasan bagi mengekalkan aset-aset semula jadi ini. Selain hutan, semua pokok sedia ada dan yang ditanam oleh pihak MDKpr perlu dimasukkan ke dalam sistem inventori dan pengurusan pokok agar jumlah pokok dan kesihatannya dapat dipantau.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Sistem pengurusan pokok pintar ini mampu memberi maklumat mengenai keadaan pokok semasa dan membantu dalam pengumpulan data mengenai taburan, jumlah, tahap kesihatan dan umur pokok.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Selangor, Malaysia

Majlis Bandaraya Shah Alam telah menerapkan sistem pengurusan pokok pintar melalui pautan e-Palsa. E-Palsa membantu PBT untuk:

- Merekod dan mengumpulkan data yang lebih bersistematik;
- Medium bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan, penyelesaian aduan dan perancangan penanaman / penyulaman pokok; dan
- Memudahkan kerja-kerja pemantauan bagi isu-isu keselamatan fasiliti rekreasi.



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Pelantikan Vendor Operator Sistem

- Melantik operator dengan peruntukan penyerahan kesemua maklumat digital sepanjang operasi.
- Melantik arboris di peringkat Jabatan Landskap MDKpr yang mengambil kira aspek arborikultur dalam pengurusan, penjagaan dan pemantauan kesihatan pokok dan tanaman.
- Menubuhkan pasukan induk bersama FRIM untuk meneroka potensi carbon sequestration pokok-pokok di MDKpr.

Pengurusan dan Pembangunan Umum Sistem Inventori Pokok

- Menyediakan Tagging QR/ID Tag bagi setiap pokok yang membolehkan penduduk awam untuk melaporkan keadaan pokok jika tumbang.
- Melaksanakan User Acceptance Testing (UAT) untuk maklumat ID Tag.
- Mengemas kini maklumat pokok dari inventori terdahulu ke inventori terkini termasuk jika memerlukan kerja-kerja digitalisasi maklumat GIS.
- Menyediakan kamus pokok MDKpr (jenis pokok dan kadar penyerapan karbon) untuk rujukan umum.
- Menjalankan perkongsian maklumat pokok seperti kedudukan, spesies dan status kesihatan pokok melalui Google Maps dengan paparan muka yang mesra pengguna awam dan pegawai landskap.
- Menyediakan platform maklumat bersepadu berkaitan pokok untuk pengurusan dan perancangan landskap yang lebih sistematik.

Quick Win (<2 tahun)	Pendek (3 tahun)	Sederhana (5 Tahun)	Panjang (> 5 tahun)



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pengurusan Insiden Pokok Tumbang

10. Memastikan sistem ID Tag sentiasa berfungsi untuk memastikan aduan pokok tumbang adalah tepat (jika berlaku). 
11. Mengemas kini pasukan gerakan jika berlaku insiden pokok tumbang. 

Penyelenggaraan Berterusan

12. Menyelenggara sistem secara berterusan dan memastikan keberkesanan dalam jangka masa panjang. 





PROJEK 11 Hab Inovasi Rakyat

MS ISO37122:2019	6.2, 13.1, 13.4, 21.1
Indikator Bandar Pintar	12, 22, 25, 34
Blueprint Perak	SP D1.2 dan SP D2.1
Cadangan Lokasi	Dewan Orang Ramai, Dewan Komuniti dll
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	 Goal 11: Sustainable Cities and Communities

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Unit Korporat, Bahagian Sistem Maklumat)	1. Digital Perak 2. Jabatan Pendidikan Negeri Perak 3. Pejabat Pendidikan Daerah 4. Jabatan Kebajikan Masyarakat 5. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak 6. IPTA dan IPTS 7. <i>Solution Provider</i>

TUJUAN

Menjadi pusat mendidik/ hebahan/ latihan teknologi untuk meningkatkan kemahiran penduduk melalui akses kepada teknologi yang sesuai dan penyelesaian digital.

PENEMUAN UTAMA

Komuniti tempatan didapati mempunyai tahap pendigitalan yang terhad dan menyebabkan mereka tidak menerima manfaat dari pembangunan teknologi pintar untuk meningkatkan tahap ekonomi mereka. Bantuan diperlukan untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan membuka peluang ekonomi baharu.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

- Membantu komuniti tempatan untuk lebih memahami kepentingan penggunaan teknologi dan faedah yang boleh diperoleh dalam bentuk kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi
- Menggalakkan perkongsian pengetahuan dalam kalangan pemain industri /pakar untuk memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman kepada komuniti tempatan

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Struktur Negeri Perak 2040
- Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2030 (Perak Pintar 2030)
- Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Penggantian)

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Innovation and Entrepreneurship Center (IEC), Malaysia

- Direka bentuk dengan kepercayaan bahawa semua orang boleh menjadi inovator dan usahawan melalui alat, bimbingan dan intervensi yang betul; dan
- Menyediakan program inovasi dan keusahawanan kepada peserta, rakan kongsi korporat, universiti, pertubuhan bukan untung dan pertubuhan belia.

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Pemilihan Lokasi dan Penyediaan Kemudahan Hab Inovasi Rakyat

- Memilih kawasan secara kekal seperti di Balai Komuniti beberapa kampung terpilih sebagai tapak projek untuk penubuhan Pusat Aplikasi Teknologi. Cadangan 12 lokasi Hab Inovasi di Pelan 3.8 adalah berdasarkan cadangan Kumpulan Pemegang taruh semasa FGD pada Mei 2024.

- Mempunyai akses baik iaitu laluan kenderaan terutama dalam jajaran laluan bas awam untuk memudahkan kehadiran pelbagai agensi atau peserta untuk hadir.

- Memastikan penyediaan hab termasuk ruang kerjasama, kemudahan internet berkelajuan tinggi dan bilik perbincangan.

Kerjasama Bersama Pemegang Taruh

- Memeterai perkongsian strategik dan MoU dengan *solution provider*, Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) sebagai rakan kongsi dalam penyediaan infrastruktur, latihan dan aktiviti di hab inovasi.

Pengurusan Aktiviti di Hab Inovasi

- Menubuhkan Kalendar Aktiviti Pembelajaran Digital Sepanjang Hayat sebagai platform pembelajaran dan latihan sepanjang hayat dengan kolaborasi institusi penyelidikan dan akademik.




Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pengurusan Aktiviti di Hab Inovasi

- | | |
|--|---|
| 6. Menggalakkan pertumbuhan syarikat pemula (<i>start up</i>), pengkomersialan inovasi digital dan teknologi keusahawanan. |  |
| 7. Mengadakan kempen kesedaran dan promosi pemberian insentif bandar pintar kerajaan kepada Perusahaan Kecil Sederhana. |  |
| 8. Memperkasakan komuniti pintar dengan pilot membangunkan pusat inovasi setempat yang menyediakan kemudahan untuk berinteraksi dengan komuniti mengenai isu setempat, perkhidmatan dan kemajuan program pintar. |  |
| 9. Mengintegrasikan data komuniti termasuk golongan kelainan upaya/golongan terkesan untuk meningkatkan penglibatan dalam aktiviti setempat. |  |

Ketersediaan Infrastruktur Digital

- | | |
|---|---|
| 10. Meningkatkan ketersediaan gentian optik dan internet berkelajuan tinggi untuk membolehkan demonstrasi penyelesaian teknologi termaju. |  |
|---|---|

Penyelenggaraan

- | | |
|---|---|
| 11. Memastikan pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berkala bagi komponen dalam kemudahan untuk mengekalkan tahap perkhidmatan yang optimum pada setiap masa. |  |
|---|---|





PROJEK 12 Bangunan Pintar MDKpr

MS ISO37122:2019	7.8, 7.9, 8.1, 13.1, 15.2, 23.4
Indikator Bandar Pintar	13, 14, 15, 22, 26, 44, 45
Blueprint Perak	SEnv D1.1, SEnv D2.1
Cadangan Lokasi	Bangun MDKpr
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam
Jenis Kerjasama	1. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities



Goal 11: Sustainable Cities and Communities

Agensi Peneraju

1. Majlis Daerah Kampar (Bahagian Landskap dan Rekreasi)

Agensi Sokongan

1. Jabatan Landskap Negara
2. Jabatan Perhutanan Negeri Perak
3. *Solution Provider*



TUJUAN

Menggalakkan penggunaan teknologi pintar dan cekap tenaga bagi bangunan awam, swasta dan milik persendirian.

PENEMUAN UTAMA

Sehingga 2024 (April), komponen bangunan pintar sedia ada di bangunan MDKpr hanyalah CCTV bagi tujuan pengawasan dan pemasangan panel solar pada kadar rendah. Komponen bangunan pintar juga tidak diberi penekanan bagi pembangunan baharu di daerah Kampar.


JUSTIFIKASI TINDAKAN

- Penerapan ciri-ciri bangunan pintar dapat meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan air, serta mengurangkan sisa dan pelepasan karbon dari bangunan; dan
- Pendekatan ini juga membawa kepada pulangan pelaburan aset yang lebih baik, kos penyelenggaraan yang lebih rendah dan kurang kegagalan peralatan.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Konsep NEM

Tenaga yang dihasilkan daripada sistem solar PV yang dipasang akan digunakan dahulu dan lebihan tenaga tersebut akan dieksport dan dijual kepada pemegang lesen pengagihan seperti TNB/SESB pada kos pembekalan semasa yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga.



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Penggunaan Perkakas Cekap Tenaga

1. Menggunakan perkakas dengan Label Cekap Tenaga bertaraf 5 bintang yang memenuhi Minimum *Energy Performance Standards* (MEPS). Progress bar (Yellow)
2. Menggunakan sistem solar PV melalui program *Net Energy Metering* 3.0. Progress bar (Yellow)
3. Menggunakan sensor pencahayaan melalui pergerakan manusia bagi lampu di ruang tangga, tandas, surau dan bilik mesyuarat. Progress bar (Yellow)
4. Mengawal suhu penyaman udara menggunakan sensor suhu sekitar (meter kelembapan dan suhu di luar bangunan). Progress bar (Yellow)
5. Memasang sistem penuaian air hujan di bangunan MDKpr dan juga sistem takungan air dari surau bagi kegunaan landskap di sekitar kawasan bangunan MDKpr. Progress bar (Yellow)
6. Melaksanakan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPAH) secara berpusat dan bersepadu. Progress bar (Yellow)
7. Memperbanyakkan penggunaan tingkap bagi mendapatkan cahaya semula jadi. Progress bar (Yellow)
8. Menyediakan stesen pengecasan kereta elektrik. Progress bar (Yellow)
9. Menyediakan kenderaan elektrik untuk kegunaan penguat kuasa. Progress bar (Yellow)
10. Melaksanakan *Green Tariff Building*. Progress bar (Yellow)

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pengurusan Tenaga Pintar

11. Pengurusan tenaga 
 - Memastikan peralatan dan perkakas elektronik diselenggara secara berkala.
 - Menjalankan audit tenaga menggunakan sistem pemantauan dan pengauditan karbon berdasarkan BEMRS.
12. Pelaporan Penjimatan Tenaga 
 - Melakukan perkongsian maklumat peratusan penjimatan tenaga dari tahun ke tahun di media sosial MDKpr.

Program dan Pelaporan Perkhidmatan

13. Mengadakan kempen jimat elektrik, cekap tenaga atau rendah karbon di peringkat MDKpr dengan informasi penjimatan elektrik hasil penggunaan perkakas cekap tenaga 



PROJEK 13 Smart Meter

MS ISO37122:2019	7.8, 23.2, 23.4
Indikator Bandar Pintar	14, 44, 84
Blueprint Perak	SEnv D1.1, SEnv D2.1
Cadangan Lokasi	Bangun MDKpr
Jenis Pembiayaan	1. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. Build - Operate - Own 2. Kontrak Pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampuan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities



Agensi Peneraju

1. Majlis Daerah Kampar (Bahagian Landskap dan Rekreasi)

Agensi Sokongan

1. Jabatan Landskap Negara
2. Jabatan Perhutanan Negeri Perak
3. *Solution Provider*

TUJUAN

Memperluas pemasangan Smart Meter untuk tenaga elektrik oleh TNB dan bekalan air terawat oleh Lemabga Air Perak untuk operasi dan makluman penggunaan atas talian.

PENEMUAN UTAMA

Mengikut arus pemodenan Negeri Perak dalam menguruskan tenaga elektrik dan bekalan air bersih secara lebih sistematik dan mengelak pembaziran tanpa punca.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Smart meter menggantikan bacaan meter manual dengan bacaan automatik yang lebih tepat, mengurangkan kesilapan dalam pembacaan meter dan menjimatkan kos operasi.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Smart Meter Elektrik oleh TNB

Smart Meter adalah peranti yang mencatat penggunaan elektrik dan menyampaikan rekod tersebut secara automatik kepada TNB melalui gelombang frekuensi radio untuk pemantauan dan pembilan.

Smart Meter juga mencatatkan penggunaan tenaga setiap 30 minit dan bacaan boleh diakses di myTNBr.



Smart Meter Air oleh Air Selangor



Introducing **Smart Water Meter**, the latest technology in the water services industry to measure water consumption for our customers in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya.

Smart Water Meter can:

- Monitor water consumption 24 hours a day.
- Reduce the environmental footprint.
- Provide updated readings at any time.




Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal

1. Memperluaskan pemasangan smart meter elektrik dan air ke seluruh kawasan MDKpr (pembangunan sedia ada dan baharu).



Perisian Teknologi

2. Memperluaskan Sistem Pengurusan Air Pintar melalui sensor, *smart meter* dan SCADA.
3. Mengintegrasikan pengiraan penggunaan elektrik dan air ke dalam satu aplikasi bagi memudahkan pembayaran bil setiap bulan serta membuat kawalan penggunaan.




Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



PROJEK 14 Tempat Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV)

MS ISO37122:2019	7.10
Indikator Bandar Pintar	20
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Bangunan MDKpr, Stesyen Minyak dan Kawasan Perniagaan
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. Build-operate-transfer 2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Maman (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities



Agensi Peneraju

1. *Solution Provider*

Agensi Sokongan

1. KPKT (PLANMalaysia)
2. MDKpr (Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Kejuruteraan)
3. JPJ
4. *Solution Provider*

TUJUAN

Pertambahan tempat pengecasan kenderaan elektrik (EV) untuk memperkenalkan dan memperluaskan penggunaan kenderaan elektrik dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon di MDKpr.

PENEMUAN UTAMA

Tempat pengecasan EV awam di MDKpr masih terhad dan tempat pengecasan EV ini mampu menarik lebih ramai pengunjung ke Kampar kerana ia adalah laluan alternatif ke bahagian utara Semenanjung Malaysia.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Menyediakan stesen pengecasan EV adalah untuk menyokong penggunaan kenderaan elektrik yang akan meluas di masa yang akan datang.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

EV Charging di Stesen Minyak Shell

Phak stesen minyak shell kini memberikan perkhidmatan tempat charge kenderaan EV berkuasa tinggi yang boleh meningkatkan peratusan bateri sehingga 80% dalam jangka masa 30 minit.



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal

1. Meningkatkan bilangan stesen pengecasan di tempat tumpuan awam dengan menetapkan syarat penyediaan kemudahan seperti di kawasan pusat membeli-belah, kawasan perumahan dan tempat letak kereta berpusat berpandukan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB), PLANMalaysia (2023). Progress bar: 100%
2. Menambah penyediaan kemudahan parkir khas bersama tempat caj bagi kenderaan EV di kawasan MDKpr. Antara kawasan yang sesuai adalah: Progress bar: 100%
 - i. Pusat komersial
 - ii. Kawasan tumpuan penduduk (medan selera, kawasan rekreasi dan bangunan awam)
 - iii. Bangunan kerajaan
 - iv. Stesen minyak
3. Memperluaskan Projek Bas Elektrik dengan kerjasama Pasarana di stesen bas berkepadatan tinggi untuk *last mile connectivity universiti* — Irt di institusi pendidikan seperti UIAM, UNIKL BIM dan Sekolah Al-Amin. Progress bar: 100%
4. Menyediakan insentif dan bantuan untuk pemasangan pengecas di rumah. Progress bar: 100%
5. Menggalakkan syarikat untuk menyediakan kemudahan pengecasan di tempat kerja. Progress bar: 100%

Pengawasan dan Penilaian

6. Membangunkan mekanisme untuk memantau dan menilai prestasi penggunaan kenderaan elektrik dan infrastruktur yang berkaitan. Progress bar: 100%
7. Menyediakan laporan berkala mengenai kemajuan projek dan impak terhadap alam sekitar serta ekonomi. Progress bar: 100%
8. Menyesuaikan strategi berdasarkan penemuan dan maklum balas daripada pengguna dan pihak berkepentingan. Progress bar: 100%

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



PROJEK 15 Persimpangan Pejalan Kaki Pintar

MS ISO37122:2019	13.3
Indikator Bandar Pintar	24
Blueprint Perak	SL D2.2, SM D5.1
Cadangan Lokasi	Jalan Majlis, Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11:Sustainable Cities and Communities



Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kejuruteraan) 2. Jabatan Kerja Raya	1. Pihak Pemaju 2. <i>Solution Provider</i>

TUJUAN

Meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan kaki dengan menggunakan elemen pintar.

PENEMUAN UTAMA

Jalan Utama di bandar Kampar dan bandar Gopeng adalah berkapasiti tinggi ketika musim perayaan dan cuti umum.


JUSTIFIKASI TINDAKAN

Elemen pintar di persimpangan pejalan kaki dapat menjamin keselamatan pengguna dengan menyediakan persimpangan yang selamat dan mudah diakses. Ini dapat meningkatkan mobiliti dan keselesaan pengguna jalan kaki di kawasan MDKpr.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Lampu Isyarat Pintar LED di Majlis Bandaraya Diraja Klang

Majlis Perbandaran Klang menambah baik persimpangan lalu lintas sedia ada dengan menyediakan strip LED untuk makluman isyarat melintas dibenarkan



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

- Melantik operator yang dapat menjalankan elemen bandar pintar di persimpangan pejalan kaki seperti berikut:
 - Memasang sensor dan menetapkan masa melintas yang sesuai dengan trafik pejalan kaki di kawasan tersebut seperti di kawasan institusi pendidikan dan kawasan berkepadatan tinggi.
- Menambah baik lintasan pejalan kaki sedia ada
 - Memasang sensor pengesan kehadiran pejalan kaki menggantikan butang isyarat melintas
 - Tiang lampu isyarat melintas automatik
 - Strip* lampu isyarat melintas di atas tanah
 - Sambungan maklumat masa nyata lintasan pejalan kaki ke Pusat Kawalan Bandar Pintar MDKpr

Operasi Sistem

- Melaksanakan tempoh ujian bagi menilai tahap kecekapan dan keselamatan pengguna terutama pelajar sekolah pelbagai peringkat umur.
- Memastikan operasi sensor sentiasa dalam keadaan lancar.
- Memastikan tiada insiden menyebabkan pejalan kaki terpaksa melintas jalan dalam keadaan masih sesak dan bahaya untuk melintas kerana lampu isyarat gagal berfungsi.

Hebahan dan Kesedaran Awam

- Melaksanakan hebahan di media sosial berkaitan program kesedaran kepada penduduk setempat mengenai penggunaan persimpangan pejalan kaki pintar.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



PROJEK 16 Penambahbaikan Pusat Kitar Semula Kampar

MS ISO37122:2019	16.4, 16.6
Indikator Bandar Pintar	28, 57
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Pondok Kitar Semula Kampar
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis	1. <i>Build-operate-Transfer</i>
Kerjasama	2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampuan (SDGs)	1. Goal 11: Sustainable Cities and Communities



Agensi Peneraju

- MDKpr (Jabatan Kesihatan Awam)

Agensi Sokongan

- Solution provider*
- Pihak pemaju

TUJUAN

Meningkatkan peratusan kitar semula di daerah Kampar melalui penambahbaikan pusat kutipan sisa kitar semula dan penyediaan lebih banyak lokasi *drop-off* sisa kitar semula.

PENEMUAN UTAMA

Sisa pepejal domestik dilonggokkan di tapak pelupusan sampah. Oleh itu, kempen kitar semula perlu dijalankan dengan lebih kerap bagi meningkatkan kesedaran penduduk. Tambahan, hanya terdapat satu pusat kitar semula di daerah Kampar yang berada dalam keadaan tidak memuaskan. Penambahbaikan diperlukan bagi meningkatkan kapasiti kutipan sisa kitar semula.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Mengurangkan jumlah sisa pepejal domestik yang dibuang ke tapak pelupusan sampah dan mengguna pakai sisa yang di kitar semula.

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- ✓ Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Penggantian)

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

MBPJ melaksanakan inisiatif *reverse vending machine* di PJ Eco Recycling Plaza untuk kitar semula botol plastik atau bekas kotak makanan untuk mendapatkan kupon yang boleh digunakan di PJ Eco Recycling Plaza.



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pusat Pengumpulan dan Infrastruktur

- Membina pusat pengumpulan e-*waste* di enam (6) pusat kitar semula sedia ada dan lokasi-lokasi strategik seperti pasar raya, pusat membeli-belah dan pejabat kerajaan.

Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan

- Bekerjasama dengan industri E&E dan institusi pendidikan seperti sekolah menengah, universiti dan kolej-kolej untuk mendapatkan sisa e-*waste* sebagai kumpulan sumber untuk dijadikan bahan reka cipta pada Hari Inovasi Bandar Pintar/ Teknologi di peringkat daerah/ MDKpr.

- Bekerjasama dengan NGO atau *solution provider* terpilih untuk pelupusan sisa e-*waste* secara lebih sistematik.

Insentif dan Ganjaran

- Menjalinkan kerjasama dengan syarikat teknologi untuk menyediakan insentif seperti diskaun atau baucar kepada mereka yang mengambil bahagian dalam program kitar semula e-*waste*.
- Menyediakan ganjaran seperti baucar, hadiah atau wang tunai untuk menggalakkan orang ramai mengambil bahagian dalam program ini.
- Menganjurkan pertandingan dan cabutan bertuah untuk mereka yang aktif menghantar e-*waste* untuk dikitar semula.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan


Program Penebusan

8. Mengadakan program penebusan di mana orang ramai boleh menukar peralatan elektronik lama mereka dengan barangan baharu atau baucar diskaun. 
9. Menggalakkan penjual dan pengilang untuk menawarkan program *trade-in* bagi peralatan elektronik lama. 

Penyertaan Komuniti

10. Mengadakan acara komuniti seperti hari kitar semula, pameran dan bazar untuk menggalakkan penglibatan masyarakat. 
11. Mempromosikan program ini melalui mesyuarat komuniti dan acara tempatan seperti pasar malam dan karnival. 





PROJEK 17 Mikromobiliti Pintar

MS ISO37122:2019	19.4
Indikator Bandar Pintar	32
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Kawasan Perniagaan Baharu, Taman dan Rekreasi
Jenis Pembiayaan	1. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. Build-operate-own
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	 Goal 11: Sustainable Cities and Communities

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kejuruteraan)	1. JPJ
2. Jabatan Kerja Raya	2. Pihak Pemaju
	3. Solution Provider

TUJUAN

Meningkatkan aksesibiliti *last-mile connectivity* dari satu tempat ke tempat lain menggunakan mikromobiliti.

PENEMUAN UTAMA

Kawasan Bandar Kampar masih belum mempunyai kemudahan mikromobiliti di kawasan bandar untuk tujuan *last mile connectivity* atau di taman awam untuk tujuan riadah.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Kemudahan mikromobiliti memudahkan pergerakan penduduk tanpa memerlukan kenderaan dan bebas pencemaran alam sekitar.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Beam

Syarikat perkhidmatan mobiliti mikro iaitu Beam Mobility Malaysia terus mempromosikan penggunaan pengangkutan awam di Malaysia dengan membantu rakyat Malaysia melengkapkan perjalanan ke arah lokasi transit awam utama di seluruh bandar.



Sumber : careta.my

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Kajian Awal dan Pelantikan Operator

- 1 Melakukan kajian awal untuk mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk projek mikromobiliti berdasarkan kepadatan penduduk, infrastruktur sedia ada dan keperluan mobiliti.
- 2 Meneliti jenis mikromobiliti yang paling sesuai untuk kawasan tersebut seperti basikal elektrik, skuter elektrik atau basikal tradisional.
- 3 Menjalinkan kerjasama dengan operator mikromobiliti untuk penyediaan infrastruktur dan memastikan lokasi yang dipilih adalah strategik untuk penggunaan yang selamat dan terkawal.

Perancangan Infrastruktur

- 4 Merancang dan membina laluan khas untuk mikromobiliti seperti lorong basikal dan laluan skuter elektrik yang selamat dan terpisah dari laluan kenderaan bermotor kerana had laju yang berbeza akan membahayakan pengguna.
- 5 Menyediakan stesen parkir yang selamat dan mudah diakses di lokasi strategik seperti stesen pengangkutan awam, kawasan perumahan dan pusat komersial.

Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan

- 6 Menjalinkan kerjasama dengan syarikat pengangkutan dan penyedia perkhidmatan mikromobiliti untuk menyokong dan melaksanakan projek ini.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan


7. Melibatkan komuniti setempat dalam proses perancangan dan pelaksanaan untuk memastikan penerimaan dan penggunaan yang lebih baik. 
8. Mengadakan kempen keselamatan untuk pengguna mikromobiliti mengenai penggunaan yang betul dan selamat. 

Peraturan, Keselamatan dan Pendidikan

9. Menggubal dan menguatkuasakan peraturan yang jelas untuk penggunaan mikromobiliti, termasuk had laju, kawasan yang dibenarkan dan peraturan parkir berpanduan Garis Panduan Perancangan (GPP) Laluan Kenderaan Mikromobiliti, PLANMalaysia (2023). 
10. Menyediakan lesen atau permit bagi penyedia perkhidmatan mikromobiliti untuk memastikan kualiti dan keselamatan perkhidmatan. 

Penyelenggaraan

11. Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan berkala dan pembaikan bagi peranti mikromobiliti untuk memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan baik. 





PROJEK 18 Cadangan Transit Peka Permintaan

MS ISO37122:2019	19.2
Indikator Bandar Pintar	37
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Kawasan KTM, Bas, Kawasan Perumahan, Perniagaan, Industri dan Institusi
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP)
Jenis Kerjasama	1. Build-operate-own
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	11 Sustainable Cities and Communities



Goal 11: Sustainable Cities and Communities

Agensi Peneraju

- MDKpr (Jabatan Kejuruteraan dan Unit Bandar Pintar)
- Jabatan Kerja Raya

Agensi Sokongan

- UPEN
- Perak Transit
- Pihak Pemaju
- Solution Provider

TUJUAN

Memberikan kemudahan perjalanan berkumpulan di mana kenderaan boleh mengubah laluan mengikut permintaan penumpang.

PENEMUAN UTAMA

Pengangkutan awam sedia ada tidak meliputi seluruh kawasan pelancongan, penempatan dan perniagaan.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Memberikan peluang kepada pengguna untuk bergerak ke mana sahaja di dalam daerah Kampar dengan bayaran kadar yang rendah seperti menempah e-hailing.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Selangor Mobility

Selangor Mobility telah menyediakan perkhidmatan transit perkhidmatan di 5 kawasan iaitu, Puchong, UM-Bangsar South, Ampang, Hulu Keang dan UPM-Serdang. Perkhidmatan ini seumpama e-hailing bercampur dengan bas yang mampu mengurangkan pengangkutan awam dan cepat.



Sumber : careta.my

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Persediaan dan penyelidikan

- Lakukan kajian pasaran untuk mengenal pasti keperluan pengguna dan tentukan kawasan dan demografi yang paling memerlukan DRT.
- Daftar perniagaan dan dapatkan semua lesen dan permit yang diperlukan serta pastikan mematuhi semua peraturan tempatan yang berkaitan dengan perkhidmatan transit.

Reka Bentuk dan Pembangunan

- Mencipta reka bentuk aplikasi yang intuitif dan mesra pengguna dan menjalankan ujian prototaip untuk mendapatkan maklum balas pengguna awal.
- Mengintegrasikan sistem pembayaran (seperti PayPal, Stripe) dengan sistem navigasi dan pemetaan (seperti Google Maps, Mapbox).

Pelancaran dan promosi

- Pelancaran rasmi perkhidmatan kepada umum melalui portal rasmi, media sosial, iklan berbayar, dan kerjasama dengan pihak berkepentingan.
- Mengintegrasikan sistem pembayaran (seperti PayPal, Stripe) dengan sistem navigasi dan pemetaan (seperti Google Maps, Mapbox).

Penyelenggaraan dan Pengembangan

- Mengemaskini aplikasi dan sistem dan menambah baik daripada maklum balas penumpang
- Pastikan kenderaan dalam keadaan baik dan diselenggara dengan kerap serta optimumkan pengendalian armada untuk memastikan efisiensi

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



PROJEK 19 Smart Parking

MS ISO37122:2019	19.8
Indikator Bandar Pintar	41
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Jalan MDKpr,
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build-operate-transfer</i> 2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11:Sustainable Cities and Communities



Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kewangan, Bahagian Sistem Maklumat dan Bahagian Penguatkuasa)	1. JPJ 2. PDRM 3. Pihak Pemaju 4. <i>Solution Provider</i>

TUJUAN

Memudahkan pemandu untuk memarkir kenderaan di kawasan tumpuan umum melalui penyediaan sensor petak parkir yang masih kosong dan sensor petunjuk.

PENEMUAN UTAMA

Kamper masih terhad dalam menyediakan parkir yang mempunyai info semasa berkenaan siaran langsung bilangan parkir yang sedia ada di premis bagi memudahkan pemandu mencari parkir di setiap premis yang ada.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Meningkatkan keselamatan, penjimatan masa dan ruangan parkir dapat di uruskan dengan baik.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Sunway City memperkenalkan sistem *License Plate Recognition* memudahkan masuk dan keluar ke kawasan tersebut.



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal

- Menyediakan papan digital yang menunjukkan bilangan parkir yang masih kosong secara masa nyata.
- Menggunakan sistem *Smart License Plate Recognition* (LDR) bagi setiap pintu masuk melalui naik taraf sistem pengurusan parking sedia ada masa seperti:
 - Parkir berpusat di bangunan milik MDKpr
 - Bangunan komersial bertingkat
 - Kawasan kediaman berpagar dan berpengawal
 - Pangsapuri perkhidmatan
 - Pangsapuri
 - Kemudahan awam (hospital)
 - Institusi pendidikan
 - Parkir awam terbuka
- Memasang sensor pengesan tempat letak kereta dan kamera di semua tempat letak kereta untuk mengesan ketersediaan ruang secara masa nyata.
- Mengintegrasikan sistem *smart parking* dengan sistem pengangkutan dan pengurusan bandar sedia ada untuk memastikan keselarasan data dan operasi.

Pengurusan data dan Penyelenggaraan

- Mengumpul data mengenai penggunaan tempat letak kereta dan pola parkir untuk analisis dan penambahbaikan sistem.
- Melaksanakan program penyelenggaraan berkala untuk memastikan sensor, kamera dan peralatan lain berfungsi dengan baik.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



PROJEK 20 Sistem Tandas Pintar

MS ISO37122:2019	23.4, 11.3
Indikator Bandar Pintar	44, 48
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Bangunan MDKpr, Tandas Awam, Kawasan Rekreasi, Pasar, Kawasan Pelancongan dll
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis	1. Build-operate-own
Kerjasama	2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities



Agensi Peneraju

- MDKpr (Jabatan Kesihatan Awam)

Agensi Sokongan

- UTAR
- Pemain Industri (Peniaga dll)
- Pengusaha Produk Pelancongan
- Pihak Pemaju
- Solution provider

TUJUAN

Smart toilet atau dikenali sebagai tandas pintar merupakan tandas yang mempunyai sistem pengurusan operasi pembersihan dan penyelenggaraan tandas awam yang lebih efisien di seluruh kawasan tarikan pelancongan, kawasan tumpuan awam dan kawasan komersial.

PENEMUAN UTAMA

MDKpr tidak menggunakan sistem *smart toilet* di bangunan awam, institusi dan komersial.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Antara kepentingan tandas pintar ini adalah seperti berikut:

- Pengurusan kebersihan dan penyelenggaraan dengan lebih sistematik;
- Pengurangan potensi jangkitan kuman kerana menerapkan reka bentuk tanpa sentuh untuk kebanyakan kemudahan;
- Pengurangan pembaziran air dengan kawalan penggunaan melalui sensor; dan
- Perancangan jadual kerja pembersihan mengikut trend pengguna di waktu lengang.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGERA Selangor, Malaysia

Sunway Pyramid Mall telah menerapkan sistem tandas pintar Internet-of-Toilet. Terdapat enam (6) komponen yang telah diterapkan pada tandas awam iaitu:

- Sensor Soap Disenser
- Sensor Tap
- Temperature & Humidity Sensor
- Ammonia Sensor
- Integrated Feedback Panel
- People Counter

Sumber: <https://www.facebook.com/sunwaypyramid/videos/sunway-pyramid-iot-smart-toilet/645234173158050/>

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pembangunan Infrastruktur dan Pelantikan Operator

- Mengenal pasti lokasi strategik untuk penyediaan tandas pintar.
 - Bangunan awam MDKpr yang mempunyai kemudahan tandas
 - Medan selera
 - Pusat pelancongan
- Melantik operator kebersihan atau *solution provider* yang dapat menyediakan teknologi berikut di kemudahan tandas awam seperti:
 - Kamera dan monitor untuk memantau kerosakan dan kekotoran.
 - Sensor ammonia untuk mengesan bau busuk.
 - Sensor yang memantau kadar penggunaan tisu.
 - Sensor yang memantau kadar penggunaan sabun tangan.
 - Sensor yang memantau isi padu tong sampah.

Operasi

- Memastikan masa henti (*downtime*) hanya maksimum 1 jam untuk mengelakkan gangguan pelawat terutama di tempat yang mempunyai jumlah pengguna tinggi.
- Melaksanakan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPAH) secara berpusat dan bersepadu.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Penyelenggaraan

5. Memastikan pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berkala bagi komponen dalam kemudahan untuk mengekalkan tahap perkhidmatan yang optimum pada setiap masa 
6. Menjalankan latihan am untuk operasi penyelenggaraan dan kebersihan tandas awam mengikut keperluan pengendalian peralatan teknologi tandas pintar. 





PROJEK 21 Kebun Komuniti Pintar

MS ISO37122:2019	20.1
Indikator Bandar Pintar	50
Blueprint Perak	SE D5.2
Cadangan Lokasi	Kawasan Taman Perumahan, Kampung dan Sekolah KPKT, Jabatan Landskap Negara dan Jabatan Pertanian
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build-operate-own</i>
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities



TUJUAN

Memperkenalkan teknologi pertanian kepada penduduk daerah Kampar.

PENEMUAN UTAMA

Penduduk daerah Kampar masih menggunakan kaedah tradisional dalam mengusahakan kawasan pertanian mereka. Namun, hasil pertanian ini mampu ditingkatkan dengan kualiti yang lebih baik menggunakan teknologi terkini.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Penggunaan teknologi akan mengukuhkan konsep 'Tanam, Ternak dan Makan Sendiri' serta membantu golongan B40 menjana ekonomi jangka pendek. Cadangan ini juga akan menjamin sekuriti makanan dan memaksimumkan penggunaan kawasan terbiar/tanah kosong.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Telok Panglima Garang, Selangor

Syarikat Pewaris Bumi Hijau di Telok Panglima Garang, Selangor mengusahakan ladang cili menggunakan teknologi digital.

- Sistem membaja dan operasi meracun menggunakan sistem penyemburan automatik menggunakan *railing*;
- 15 sensor mengemas kini dan memberi maklumat seperti keperluan baja, racun, suhu, tahap kelembapan setiap 15 minit ke Cloud; dan
- Pengaplikasian *Site-Specific Crop Management* (SSCM).



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Pembangunan Infrastruktur dan Pelantikan Operator

- Melantik operator yang dapat menjalankan elemen bandar pintar di kebun komuniti seperti berikut:
 - Memasang sensor kelembapan tanah bagi penyiraman air secara automatik apabila tanah menjadi kering, menjimatkan air dan meningkatkan kesihatan tanaman.
 - Menyediakan kotak kompos pintar yang dilengkapi sensor suhu dan kelembapan untuk memantau proses kompos.

Penanaman dan Penjagaan Awal

- Memulakan penanaman jenis tanaman yang sesuai berdasarkan penyelidikan di peringkat permulaan.
- Mengadakan sesi latihan bagi ahli komuniti mengenai cara menjaga tanaman dan kaedah penggunaan teknologi pintar yang dipasang dalam kebun komuniti.
- Memastikan rutin penyiraman, pemeliharaan dan kawalan serangga tanaman dalam mod automatik sepenuhnya.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Penyelenggaraan

5. Mengkaji prestasi taman secara berkala dan membuat penambahbaikan ke atas infrastruktur dan pengurusan mengikut maklum balas komuniti dan keperluan tanaman. 
6. Melaksanakan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPAH) secara berpusat dan bersepadu. 





PROJEK 22 Kompos Pintar

MS ISO37122:2019	20.2
Indikator Bandar Pintar	51
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Pasar Awam, Medan Selera, Kawasan Pelancongan Kawasan Perniagaan (Hotel dll), Institusi Pendidikan dan Perumahan
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis	1. Build-operate-own
Kerjasama	2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities



Agensi Peneraju

- MDKpr (Jabatan Kesihatan Awam)

Agensi Sokongan

- KPKT
- Peniaga dan Penduduk
- IPT
- Pihak Pemaju
- Pemain Industri
- Solution Provider*

TUJUAN

Mengurangkan jumlah sisa makanan yang dihasilkan di pasar, medan selera dan restoran dengan cara mengasingkan sisa makanan untuk dijadikan sumber pembajaan landskap di MDKpr.

PENEMUAN UTAMA

Daerah Kampar mempunyai beberapa pasar basah harian yang akan menyumbang pembentukan kompos harian manakala tahun 2024, sebanyak 6 sekolah rendah terlibat dalam program kompos.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Pengumpulan sisa makanan ini juga mampu menjadikan pendapatan baharu bagi MDKpr dalam usaha menjual kompos ini kepada petani.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Majlis Bandaraya Kuantan meletakkan Mesin Kompos Sisa Makanan Pintar di bazar Ramadan sekitar Kuantan. Mesin tersebut mempunyai kapasiti memproses 25kg sisa makanan menjadi baja dalam tempoh 48 jam



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Kesedaran dan Pendidikan

- Melakukan kempen kesedaran mengenai pentingnya pengurusan sisa makanan dan manfaat kompos kepada peniaga, pengunjung dan penduduk setempat.
- Mengadakan bengkel atau taklimat bagi peniaga dan pekerja restoran mengenai cara mengasingkan dan menguruskan sisa makanan bagi tujuan kompos.

Penyediaan Infrastruktur

- Menjalinkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) atau *solution provider* terpilih untuk penyediaan tong atau bekas khas untuk pemisahan sisa makanan di pasar, medan selera dan restoran.
- Memasang tanda dan panduan yang jelas bagi penggunaan bekas kompos dan proses pemisahan sisa makanan di pasar, medan selera dan restoran.

Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan

- Menjalinkan kerjasama dengan pihak pengurusan pasar, medan selera dan restoran untuk menyokong dan mempromosikan projek kompos ini.
- Menjalinkan kerjasama dengan kumpulan komuniti tempatan, NGO atau syarikat kompos tempatan untuk membantu dalam pemprosesan kompos.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)

Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pemulihan dan Penggunaan Semula

7. Menggalakkan penggunaan kompos hasil sisa makanan sebagai baja organik bagi kegunaan pertanian dan landskap. 
8. Mempromosikan dan menjual kompos kepada penduduk setempat atau pertanian setempat sebagai sumber pendapatan tambahan. 
9. Mengkaji komposisi sisa makanan untuk pengurusan sisa yang sistematik di MDKpr 





PROJEK 23 Digital Warisan dan Budaya

MS ISO37122:2019	17.1, 17.2
Indikator Bandar Pintar	53, 54
Blueprint Perak	
Cadangan Lokasi	Muzium & Kawasan Bersejarah
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build-operate-transfer</i> 2. <i>Build-operate-own</i> 3. <i>Build-transfer-own</i>
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Unit Korporat, dan Bahagian Sistem Maklumat)	1. Operator Muzium
2. Tourism Perak	2. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak
	3. Pemain Industri
	4. <i>Solution Provider</i>

TUJUAN

Penerapan elemen digital ke atas produk warisan dan budaya bagi memudahkan cara pengurusan ke arah pintar dan mampan

PENEMUAN UTAMA

Produk warisan yang menarik di Kampar dan berpotensi untuk menggunakan digital adalah Muzium Perlombongan Bijih Timah Kinta dan Muzium Gopeng. Manakala produk budaya yang sesuai untuk dinaik taraf secara digital adalah Perpustakaan Desa GPMS Gopeng dan Perpustakaan Desa Kuala Dipang.

JUSTIFIKASI TINDAKAN


Menggunakan elemen pintar dan pendigitalan dalam pengurusan bagi menggalakkan kedatangan pelancong dan penyampaian maklumat dengan jelas dan segera.

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Struktur Negeri Perak 2040
- Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2030 (Perak Pintar 2030)
- Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Penggantian)

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Manuskrip Al-Quran dari Terengganu yang berusia sekitar 100 hingga 200 tahun kini boleh dilihat menggunakan teknologi AR di Galeri Digital Warisan Budaya UMT.



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Digitalisasi Informasi, Artifak dan Dokumen Muzium

- Menjalankan proses digitalisasi objek dan dokumen yang telah dikenal pasti menggunakan kaedah teknologi terkini untuk digitalisasi seperti *3D scanning*, *digital archiving* dan teknologi *augmented reality* (AR). Progress bar: 100%
- Menjalankan konfigurasi sistem penyimpanan data digital untuk memastikan keselamatan dan maklumat boleh diakses dengan mudah. Progress bar: 100%

Cadangan Pameran Bahan Digital

- Mendigitalisasi informasi/ artifak/ dokumen muzium untuk arkib negara. Progress bar: 100%
 - Maklumat informasi sejarah yang jelas dan lengkap serta disahkan.
 - Mewujudkan material digital yang 3D, 4D dan 5D.
 - Memaklumkan kemudahan pengangkutan awam yang disediakan dan penyediaan ruang *smart parking*.
- Menyediakan digital kiosk dan aktiviti interaktif dengan mempromosi pembangunan penghayatan seni dan warisan pelancongan. Progress bar: 100%
- Mengintegrasikan semua sistem pengurusan *hotspot* dari aspek berikut ke dalam portal MDKpr. Progress bar: 100%
 - Pendaftaran akan menjana maklumat umum (antaranya jantina, umur, bangsa, pelancong domestik atau luar negara dll).
 - Membangunkan Simulasi Tour 360 di Muzium Orang Asli Gombak dan disambungkan ke Portal MDKpr.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Cadangan Pameran Bahan Digital

6. Memastikan penawaran pakej yang sentiasa dikemasi kini di portal MDKpr, kios digital, material digital dan lain-lain.



Pemantauan dan Penyelenggaraan

7. Pemantauan kualiti, keselamatan data digital dan penyelenggaraan berkala pada sistem dan data digital untuk mengelakkan masalah teknikal.



8. Mengumpulkan maklum balas daripada pengguna dan pihak berkepentingan untuk menilai kekuatan dan kelemahan projek. Berdasarkan maklum balas yang diterima, kerja penambahbaikan perlu dilakukan secara berterusan pada platform dan proses digitalisasi.





PROJEK 24 Tong Sampah Pintar

MS ISO37122:2019	7.1, 16.1
Indikator Bandar Pintar	68, 74
Blueprint Perak	-
Cadangan Lokasi	Kawasan komersial, industry, institusi, rekreasi dan perumahan
Jenis Pembiayaan	1. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build-operate-Transfer</i> 2. <i>Build-operate-own</i>
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	 Goal 11: Sustainable Cities and Communities

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kesihatan Awam)	1. <i>Solution provider</i> 2. Pihak pemaju

TUJUAN

Meningkatkan peratusan kitar semula di daerah Kampar melalui penambahbaikan pusat kutipan sisa kitar semula dan penyediaan lebih banyak lokasi *drop-off* sisa kitar semula.

PENEKUN UTAMA

Sisa pepejal domestik dilonggokkan di tapak pelupusan sampah. Oleh itu, kempen kitar semula perlu dijalankan dengan lebih kerap bagi meningkatkan kesedaran penduduk. Tambahan, hanya terdapat satu pusat kitar semula di daerah Kampar yang berada dalam keadaan tidak memuaskan. Penambahbaikan diperlukan bagi meningkatkan kapasiti kutipan sisa kitar semula.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Mengurangkan jumlah sisa pepejal domestik yang dibuang ke tapak pelupusan sampah dan mengguna pakai sisa yang di kitar semula.

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- ✓ Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Penggantian)

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

MBPJ melaksanakan inisiatif *reverse vending machine* di PJ Eco Recycling Plaza untuk kitar semula botol plastik atau bekas kotak makanan untuk mendapatkan kupon yang boleh digunakan di PJ Eco Recycling Plaza.



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan Tempoh Pelaksanaan

Pemilihan Kawasan Tong Sampah Pintar

- Memulakan inisiatif peletakan tong sampah pintar menggantikan tong roto di institusi pendidikan seperti sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan kolej di sekitar kawasan MDKpr.
- Menambah bilangan penyediaan tong sampah pintar di kawasan kediaman berkepadatan tinggi, kawasan pelancongan utama, kawasan komersial, industri dan institusi serta seluruh kawasan berpenduduk dengan mengambil kira aspek kebolehcapaian dan kebersihan persekitaran.

Kawasan Komersial

- Peletakan di kawasan komersial baharu dan sedia ada termasuk hotel dan pangsupuri perkhidmatan.
- Sasaran *zero conventional bin* di kawasan komersial.
- Kawasan tumpuan pelancongan.

Kawasan Industri

- Peletakan di kawasan industri baharu (industri ringan dan sederhana).

Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan

- Menjalinkan kerjasama dengan NGO atau *solution provider* terpilih untuk pelaksanaan inisiatif tong sampah pintar di MDKpr
- Menetapkan jadual pengutipan sampah yang sistematik dengan operator berkaitan berdasarkan keperluan tempatan dan menggunakan teknologi untuk mengoptimumkan laluan pengutipan.

Quick Win
(<2 tahun)

Pendek
(3 tahun)

Sederhana
(5 Tahun)

Panjang
(> 5 tahun)



Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Pemantauan dan Penilaian

- | | |
|---|---|
| 5. Melakukan pemantauan berkala terhadap penggunaan tong sampah pintar serta mengumpulkan maklum balas dari penduduk tempatan untuk penambahbaikan lanjut |  |
| 6. Menjalankan penyelenggaraan berkala terhadap tong sampah pintar dan menyediakan perkhidmatan pembersihan yang sistematik. |  |
| 7. Menghasilkan laporan berkala mengenai prestasi dan kesan projek tong sampah pintar dengan sistem pengumpulan sisa sedia ada. |  |
| 8. Menilai komposisi sisa pepejal di MDKpr dari maklumat pembuangan sisa dari tong sampah pintar untuk pengurusan sisa yang lebih sistematik di MDKpr. |  |
| 11. Mempromosikan program ini melalui mesyuarat komuniti dan acara tempatan seperti pasar malam dan karnival. |  |





PROGRAM 1 Institusi Pendidikan Pintar (IPT dan Sekolah)

MS ISO37122:2019	6.2, 13.4
Indikator Bandar Pintar	12, 25
Blueprint Perak	SP D1.3
Cadangan Lokasi	Sekolah, Institusi Pendidikan Tinggi
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build - Operate - Own</i> 2. Kontrak pengurusan

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)



Goal 4: Quality Education

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. Jabatan Pendidikan Negeri Perak	1. Digital Perak
2. Institusi Pendidikan Tinggi	2. KPM
	3. KPT
	4. MOSTI
	5. MDEC
	6. <i>Solution Provider</i>

TUJUAN

Elemen pintar untuk kemudahan pendidikan menjelang 2030.

PENEMUAN UTAMA

37 unit Sekolah Rendah dan Agama, 10 unit Sekolah Menengah, dan 3 unit Institusi Pendidikan Tinggi di daerah Kampar yang berpotensi mengguna pakai elemen pintar untuk tujuan pendidikan.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Pendidikan yang disampaikan dengan sempurna, jelas dan segera serta menarik akan memudahkan sesi pembelajaran dan pendidikan bagi menggalakkan untuk menimba ilmu dengan menyeluruh.

KUMPULAN SASAR

- Institusi Pendidikan Tinggi
- Sekolah Menengah
- Sekolah Rendah

KOMPONEN PROJEK

- Menjalinkan kerjasama dengan IPT dan sekolah (menengah dan rendah) untuk:
 - Meningkatkan kesedaran dan kepentingan IT kepada warga sekolah dan institusi terlibat;
 - Menerapkan pemahaman penguasaan ilmu teknologi adalah corak kehidupan masa hadapan;
 - Menggalakkan inovasi dari segi pembelajaran dan kemudahan di tahap sekolah;
 - Mengenal pasti elemen pintar dalam aktiviti/pembangunan institusi, pengajar dan pelajar;
 - Mengenal pasti subjek yang boleh digital;
 - Mengenal pasti kemudahan infrastruktur dan utiliti sedia ada; dan
 - Pengurusan waktu pembelajaran yang pendek namun menarik dan jelas dapat dilakukan.
- Memberi platform pelajar berkongsi pendapat dan idea untuk pembangunan bandar pintar;
- Menggalakkan penggunaan dan penyampaian elemen pintar yang pelbagai bahasa;
- Menyediakan ruang digital yang mempamerkan ilmu dan informasi di dinding-dinding sekolah, IPT dan IPT swasta;
- Menggunakan lencana QR untuk rekod kehadiran pelajar;
- Mewujudkan ruang interaksi pintar antara pelajar dan guru;
- Mewujudkan sesi reka bentuk elemen untuk menimbulkan kreativiti pelajar dan mahasiswa;
- Menguruskan maklumat kedatangan dan hal ehwal pelajar melalui sistem pintar; dan
- Memastikan setiap pelajar mendapat pendedahan dan latihan mengenai IT untuk kemudahan pembelajaran.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Dasar Pendidikan Digital menjadi elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran murid pada masa hadapan.





Perincian Umum Pelaksanaan Projek

Tindakan

Tempoh Pelaksanaan

Keanggotaan dan Agensi Pelaksana


1. Menubuhkan satu jawatankuasa *smart ambassador* daripada kalangan sukarelawan/ NGO yang menjadi wakil MDKpr untuk merapatkan jurang digital penduduk dalam menggunakan perkhidmatan digital. 
2. Melibatkan pihak berkepentingan dalam membuat sesuatu program kesedaran atau pengenalan teknologi baharu yang telah dibina. 
3. Menjalinkan kerjasama dengan universiti dan institusi pendidikan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan mengenai teknologi bandar pintar. 
4. Mewujudkan rangkaian dengan bandar pintar lain untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan dan amalan terbaik. 

Pelaksanaan Program

5. Menyediakan infrastruktur digital yang mencukupi seperti laman web, platform media sosial dan aplikasi mudah alih untuk menyebarkan maklumat dan melibatkan komuniti. 

Pelaksanaan Program

6. Menjalankan kempen kesedaran awam melalui media cetak, media elektronik dan media sosial untuk mendidik komuniti tempatan mengenai manfaat bandar pintar. 
7. Menganjurkan bengkel, seminar dan sesi latihan untuk mendidik penduduk, pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat mengenai teknologi pintar dan kepentingannya. 
8. Mengintegrasikan konsep bandar pintar dalam kurikulum sekolah dengan mendidik generasi muda mengenai teknologi pintar dan kepentingannya. 
9. Memberikan pendedahan kepada penyertaan dalam forum antarabangsa mengenai bandar pintar untuk berkongsi pengalaman dan belajar dari bandar-bandar lain. 
10. Menyediakan pencapaian atau dokumentasi mengenai anggota *smart ambassador* yang berjaya diberikan tag atau pengiktirafan sebagai *smart ambassador*. 





PANDUAN 1 Pelancong Pintar (Smart Tourism)

MS ISO37122:2019	7.6, 8.2
Indikator Bandar Pintar	5, 16
Tujuan	Digitalisasi perkhidmatan dan kemudahan pelancongan sepenuhnya menjelang 2025
Blueprint Perak	SDI D1.1, SE D4.1 dan SM D4.2
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build - Operate - Own</i> 2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	8 Goal 8: Decent Work and Economic Growth

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr	1. Pihak Pemaju 2. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak 3. Tourism Perak 4. IPT 5. <i>Solution Provider</i>

PENEMUAN UTAMA

Terdapat empat (4) kluster pelancongan di daerah Kampar iaitu ekopelancongan (*ecotourism*), *geo-ecotourism* (geo-ekopelancongan), *rural tourism* (pelancongan luar bandar) dan *culture heritage tourism* (pelancongan warisan budaya) yang menarik.

JUSTIFIKASI TINDAKAN

Kesemua kluster pelancongan akan diintegrasikan dengan mengguna pakai aplikasi digital pintar dalam ekosistem industri pelancongan.

JENIS PEMBANGUNAN


Jenis	Perincian
Disyaratkan	Membangunkan ekosistem pelancongan selaras dengan pembangunan teknologi digital

KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN


Komponen	Perincian Panduan
1. Pengurusan	i. Mengenal pasti dan bekerjasama dengan operator pelancongan yang beroperasi untuk ekopelancongan, geo-eko pelancongan, <i>rural tourism</i> dan pelancongan warisan budaya; dan ii. Mengintegrasikan semua sistem pengurusan <i>hotspot</i> pelancongan dari aspek berikut ke dalam portal MDKpr iaitu pendaftaran akan menjana maklumat umum (antaranya jantina, umur, bangsa, pelancong domestik atau luar negara dll)).
2. Pengendalian	i. Memastikan kemudahan digital <i>hotspot</i> pelancongan akan menyediakan maklumat antaranya waktu operasi, kemudahan, pengangkutan awam, pembayaran, jejak pelancongan dll); dan ii. Menggunakan kemudahan digital untuk tempahan slot kehadiran bagi mengurangkan kesesakan bagi mengekalkan mutu perkhidmatan, pembayaran tanpa tunai ini juga membantu dalam penjimatan masa khasnya bagi urusan transaksi jual beli dan mampu meningkatkan penggunaan teknologi pintar amnya pada komuniti setempat.
3. Pemasaran	i. Menjalankan kerja-kerja pemasaran dan pengurusan digital di laman sesawang dan platform pemasaran seperti facebook, trip advisor dan sebagainya; ii. Memastikan pengurusan permintaan dan penawaran produk pelancongan yang sentiasa dikemasi kini di portal MDKpr, kios digital, <i>wayfinding</i> dan lain-lain; dan iii. Memastikan pengurusan perkhidmatan amnya laluan-laluan pelancongan sentiasa diselenggarakan dan dikemasi kini aplikasi perkhidmatan.

CONTOH AMALAN SEMASA DALAM NEGARA

Pelbagai kluster pelancong di Langkawi dengan elemen pintar.




Selangor.Travel menyediakan maklumat produk pelancongan terkini di Selangor dan perkhidmatan nasihat yang berkualiti.



<https://selangor.travel/>

CONTOH AMALAN SEMASA LUAR NEGARA

Kawasan pelancongan di Singapura sentiasa mempunyai pelbagai aktiviti dan elemen pintar yang dapat membantu memaparkan maklumat yang jelas dan segera untuk pelancong merancang perjalanan seperti di <https://www.visitsingapore.com>.



Korea Government to create 'smart' tourist city. The project will also contribute to raising the competitiveness of regional tourism. The project aims to establish a solid foothold in the future tourism sector by developing advanced tourism content and infrastructure. It added that an increasing number of tourists are utilising their smartphones to book and pay for flight tickets and hotels. The smart tourist city will help local communities enhance the competitiveness of their regional tourism. "Integration between tourism and information and communication technologies will offer more convenient services and distinguished experiences to tourists."



<https://www.koreatimes.co.kr>



PANDUAN 2 Pengurusan Alam Sekitar dan Risiko Bencana Pintar

MS ISO37122:2019	7.6, 8.2
Indikator Bandar Pintar	5, 16
Tujuan	Melaksanakan dan memperluaskan sistem pemantauan alam sekitar dan risiko bencana
Blueprint Perak	SEN D4, SEN D4.2
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build - Operate - Own</i> 2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampat (SDGs)	 Goal 13: Climate Action

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kesihatan Awam)	1. Pihak Pemaju
2.)	2. <i>Solution Provider</i>

JENIS PEMBANGUNAN

Jenis	Perincian
Disyaratkan	Melaksanakan dan memperluaskan sistem pemantauan alam sekitar pintar melalui penerima masa nyata (sensor), kecerdasan buatan (AI) dan IoT

KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Panduan
1. Sistem Pengumpulan Air Hujan Pintar (<i>Smart Rainwater Harvesting</i>)	Manfaat : Melambatkan air larian permukaan bagi mengurangkan risiko banjir i. Mengurangkan impak risiko pencemaran air; ii. Koordinasi dan tindakan awal pencegahan dapat dijalankan; dan iii. Keadaan sumber air dan kualiti udara dipastikan selamat untuk kesihatan rakyat.
2. Kamera Litar Tertutup : <i>Closed Circuit Television</i> (CCTV)	Manfaat : Pengawasan dan pengecaman 24/7 dan memberi amaran awal terhadap sesuatu insiden Merupakan sistem pengawasan yang mengandungi kamera dan peralatan yang berkaitan untuk pemantauan, transmisi dan pengawalan zon keselamatan serta pengurusan bencana alam serta tindak balas awal insiden kecemasan.
3. Pemantauan Kualiti Alam Sekitar Secara Bersepadu	i. Sistem amaran awal yang akan memantau kualiti air dan banjir pada masa nyata (<i>real time</i>) bagi memberi amaran awal bencana dan diintegrasikan dengan <i>intelligent operation/command & control centre</i> serta <i>Public Display Information System</i> . ii. Sensor dipasang untuk memantau kualiti air, udara, dan keadaan cuaca. iii. Penduduk boleh mengakses maklumat nilai API 24 jam sehari. iv. Sistem laporan air, udara dan cuaca berintegrasi.
4. Pemantauan Kualiti Air dan Sungai, operasi loji rawatan air (4 LRA) dan kualiti udara dan banjir (<i>real time</i>)	i. Mengurangkan impak risiko pencemaran air. ii. Koordinasi dan tindakan awal pencegahan dapat dijalankan. iii. Keadaan sumber air dan kualiti udara dipastikan selamat untuk kesihatan rakyat.
5. Pemasangan perangkap sampah	Perangkap sampah mesra alam berfungsi untuk: i. Mengurangkan pencemaran sampah sarap di laluan saluran air; ii. Meningkatkan tahap kebersihan air sungai; iii. Mengelakkan punca wabak penyakit; iv. Mengurangkan penggunaan tenaga manusia untuk memastikan kebersihan sungai dan saluran di dalam bandar terus terjamin.

Pelaksanaan dan pengurusan ini meliputi pemeliharaan dan peningkatan kualiti alam sekitar.



PANDUAN 3 Healthy Cities

MS ISO37122:2019	13.1 & 13.2
Indikator Bandar Pintar	22, 23
Tujuan	Mewujudkan Persekitaran Perbandaran Yang Menyokong Healthy Aging
Blueprint Perak	SL D2.4
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build - Operate - Own</i> 2. Kontrak pengurusan
Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	Goal 11: Sustainable Cities and Communities


Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kesihatan Awam)	1. Pihak Pemaaju 2. <i>Solution Provider</i>

JENIS PEMBANGUNAN

Jenis	Perincian
Disyaratkan	Di semua pembangunan perumahan dan perniagaan

KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Panduan
1. Kemudahan Orang Kurang Upaya & Warga Emas	- Fungsi Utama: Kemudahan yang bercirikan reka bentuk sejagat yang disediakan bagi memudahkan orang kurang upaya dan warga emas. - Lokasi: Bangunan awam, kawasan perniagaan, kompleks perniagaan, kemudahan pengangkutan dan tempat tumpuan awam. - Spesifikasi penyediaan ✓ Laluan pejalan kaki dan laluan khas ✓ Bollard (jarak 900mm 1200mm) ✓ <i>Step ramp / dropped kerb</i> ✓ Lintasan pejalan kaki pintar ✓ <i>Guiding blocks tactile block</i> ✓ Lampu isyarat visual dan audio ✓ TLK OKU dan warga emas ✓ Tulisan <i>braille</i> di <i>handrail</i>, lif dll ✓ Butang kecemasan ✓ Simbol dan papan tanda menggunakan piktogram dan bunyi serta mudah dilihat - Reka bentuk ✓ Mesra pengguna ✓ Kemudahsampaian antara kawasan ✓ Tiada halangan ✓ Menitikberatkan ciri ciri keselamatan



Sumber: Laporan Panduan Pelaksanaan Bandar Pintar di Peringkat Cadangan Pemaaju, 2024

KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Garis Panduan
2. <i>Panic Button</i>	i. Fungsi Utama ✓ Butang kecemasan atau <i>panic button</i> merupakan peralatan bantuan kecemasan yang dilengkapi dengan video <i>intercom</i> bagi memudahkan pengguna menyampaikan aduan atau maklumat berkaitan sesuatu situasi kecemasan ii. Lokasi ✓ Kawasan pusat komersial / perniagaan ✓ Kawasan taman rekreasi / permainan ✓ Kawasan tumpuan orang ramai ✓ <i>Hotspot</i> jenayah iii. Reka Bentuk ✓ Tiang <i>panic button</i> di reka bentuk bersesuaian dengan ciri ciri persekitaran (nilai estetika), mesra pengguna, warna yang jelas serta mudah dilihat ✓ Penentuan lokasi dan pemasangan di kawasan tumpuan orang ramai iv. Jenis ✓ Dilengkapi fungsi video (kamera PTZ) dan audio <i>built in</i>) bagi tujuan rakaman dan perbualan ✓ Butang kecemasan <i>glow in the dark</i> dan siren ✓ CCTV berdefinisi tinggi dengan resolusi 1280 x 720 25 <i>frame per second</i> pada resolusi 4 CIF ✓ Mempunyai keupayaan untuk penglihatan malam ✓ CCTV dan audio perlu mengambil kira pengintegrasian sistem sedia ada v. Rangkaian (<i>Network</i>) ✓ Penyambungan sistem terkini (contoh: Sistem Scats dan Sistem Pintas) terus ke Pusat Kawalan Bandar Pintar Kampar ✓ Fungsi pemasangan adalah untuk mengenal pasti aliran trafik dan kapasiti kenderaan mengikut keutamaan simpan ✓ Pemaju dan perunding hendaklah memperbaharui pelan kelulusan setiap tahun sehingga mendapat sokongan CCC (tertakluk kepada keperluan semasa) vi. Rujukan lain ✓ Reka Bentuk Bandar Selamat ✓ Buku Bandar Selamat 2013 ✓ Standard Indikator Bandar Pintar MS ISO 37122 2019 (Indikator 37)



KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Garis Panduan
3. Kemudahan Kebajikan	i. Fungsi Utama ✓ Memberi perkhidmatan pencegahan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan kepada golongan sasaran seperti golongan warga emas dan OKU ii. Lokasi ✓ Kawasan perumahan iii. Reka Bentuk ✓ Reka bentuk bangunan sesebuah kemudahan kebajikan perlu mempunyai ciri-ciri kebudayaan tempatan. ✓ Reka bentuk dan struktur bangunan perlu mengambil kira keselesaan golongan sasaran untuk beraktiviti, belajar, berehat, menjalankan rawatan dan sebagainya. ✓ Reka bentuk ruang perlu fleksibel dengan mengambil kira perubahan perkembangan perkhidmatan kebajikan di masa hadapan. ✓ Konsep reka bentuk bangunan yang dicadangkan ialah bangunan yang berkonsep modular agar mudah diubahsuai pada masa akan datang. ✓ Bangunan berasaskan teknologi hijau bagi memastikan pengurusan tenaga yang lebih cekap. ✓ Impak skala dan pandangan haruslah bersesuaian dengan lokasi dan tidak ketara sebagai bangunan yang khusus untuk golongan sasaran. ✓ Membina titik tumpuan seperti landskap yang menarik bagi membentuk vista (pandangan) dan menghidupkan suasana jalan. ✓ Susun atur tapak yang memaksimumkan penggunaan setiap ruang. Ruang luaran yang boleh diguna pakai disyorkan berbumbung. ✓ Menggunakan kawasan yang terlindung daripada pandangan awam untuk ruang perkhidmatan seperti bilik rawatan. ✓ Ruang peribadi menghadap ke halaman dan boleh diakses terus dari ruang awam utama. ✓ Menyusun sirkulasi utama menghala ke arah halaman bagi memberi orientasi dan menggalakkan <i>sense of community</i>. ✓ Pertimbangan kepada bangunan pasif seperti pengudaraan yang baik, pencahayaan melalui sumber cahaya matahari serta mengelakkan atau mengurangkan koridor yang berbengkok. ✓ Orientasi bangunan dan ruang yang dapat mengimbangkan pencahayaan semula jadi dan buatan. ✓ Mencipta pandangan dan pemerhatian yang baik ke semua ruang dalam bangunan. iv. Keperluan <i>Universal Design</i> ✓ Kemudahan kebajikan hendaklah disediakan dengan memberi pertimbangan sepenuhnya kepada reka bentuk universal seperti kemudahan <i>ramp</i>, tandas khas serta tanda-tanda laluan berasaskan kepekaan dan kemudahan OKU yang lain. ✓ Perkhidmatan lif juga perlu disediakan bagi bangunan bertingkat. v. Keselamatan ✓ Aspek keselamatan dalam bangunan kemudahan kebajikan perlu diberi perhatian terutama keselamatan bahan, peralatan, staf dan golongan sasaran. ✓ Perkara lain yang perlu diambil kira dalam bangunan adalah: • Pintu keluar masuk melalui satu pintu terkawal • Pintu kecemasan • Peralatan pencegahan kebakaran dan alat pemadam api perlu disediakan mengikut kelulusan pihak Penguasa Bomba. • Sistem kawalan keselamatan bersepadu (CCTV). vi. Senarai Keperluan Ruang Pejabat ✓ Ruang rehat dan aktiviti ✓ Lobi ✓ Bilik mesyuarat / seminar/ audio visual ✓ Bilik petugas ✓ Ruang utiliti ✓ Lain-lain vii. Dokumen berkaitan ✓ Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat PLANMalaysia, 2022



PANDUAN 4 Bangunan Pintar

MS ISO37122:2019	7.8, 7.9, 8.1, 13.1, 15.2, 23.4
Indikator Bandar Pintar	13, 14, 15, 22, 26, 44, 45
Tujuan	Menerapkan elemen bandar pintar di bangunan baharu
Blueprint Perak	SEnv D1.1, SEnv D2.1
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build - Operate - Own</i> 2. Kontrak pengurusan
Matlamat	Goal 11: Sustainable Cities and Communities
Pembangunan Mampan (SDGs)	 Goal 11: Sustainable Cities and Communities

Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kejuruteraan)	1. Suruhanjaya Tenaga 2. Tenaga Nasional Berhad 3. Lembaga Air Perak 4. Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) 5. Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC)

JENIS PEMBANGUNAN

Jenis	Perincian
Disyaratkan	1. Bangunan perniagaan sesebuah (<i>free standing</i>) 2. Bangunan perniagaan bertingkat 3. Pangsapuri perkhidmatan 4. Hospital swasta 5. Institusi pengajian tinggi 6. Pangsapuri/ Apartment 7. Perumahan Strata 8. Stesen Minyak 9. Industri
Pembangunan yang digalakkan	1. Kedai Teres 2. Pangsapuri kos rendah 3. Kilang.

KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Panduan
1. Konsep Bangunan Hijau	A. Konsep - Pembangunan digalakkan untuk menerapkan dan mengguna pakai konsep Bangunan Hijau serta <i>'Green Building Rating System'</i>. - Dalam skala pembangunan perumahan, konsep kejuruteraan hijau perlu diterapkan dalam pelaksanaan pembangunan merujuk kepada Garis Panduan Kejuruteraan Hijau.
2. Pencahayaan	A. Lokasi - Penyediaan lampu limpah perlu disediakan di setiap kawasan lapang, laluan pejalan kaki dan basikal serta di persimpangan dan hujung jalan lorong belakang sahaja. Reka bentuk - Penyediaan kemudahan lampu perlu menggunakan dari jenis solar LED. Reka bentuk lampu perlu mematuhi kriteria MS825 : <i>Part 1: 2007 : Code Of Practice For The Design Of Road Lighting — Part 1: Lighting Of Roads And Public Amenity Areas</i> atau Panduan Teknik Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR.



KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Panduan
3. Reka Bentuk <i>Universal Design</i>	A. Konsep - Mematuhi segala spesifikasi dan keperluan dalam M/S 1184 : 2014 <i>Universal Design and Accessibility In The Built Environment-Code of Practice (Second Revision)</i> dan <i>Malaysia Standard 1331 : 1993, Code Of Practice For Access For Disabled People Outside Buildings</i> serta mematuhi Garis panduan Piawaian Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya. B. Reka bentuk - Aksesibiliti seperti <i>Ramp</i> - Laluan permukaan bertekstur seperti <i>Tactiles</i> dan <i>Guiding Block</i> - Aspek lain termasuk penyediaan lif, <i>radient</i>, <i>prai</i>, <i>pedestrian</i>, <i>handrail</i> dan <i>grab bar</i> - Anjung masuk ke bangunan - Reruang seperti TLK orang kurang upaya dan tandas OKU - Kemudahan sokongan seperti <i>International Symbol</i>, <i>Colour Vision</i>, papan tanda kenyataan, tanda tunjuk arah, keterangan bertulis, tanda amaran dan papan tanda khas OKU.



KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Panduan
4. Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) – Dalam Bangunan	A. Lokasi - Lokasi Umum - Perlu disediakan di kawasan seperti persimpangan jalan utama, kawasan pusat komersial dan kawasan taman rekreasi/ taman permainan. Lokasi dan bilangan CCTV bergantung kepada beberapa faktor iaitu jenis kamera, keluasan, tahap pencahayaan, reka bentuk dalaman dan luaran bangunan - Kawasan berisiko tinggi seperti lorong belakang, lorong tepi dan kaki lima premis mestilah dilitupi oleh kamera CCTV - Lorong-lorong yang boleh menjadi tempat persembunyian penjenayah - Lokasi Khusus - Setiap laluan masuk dan keluar serta lif lobi premis - Setiap aras TLK - Tempat transaksi seperti kaunter bayaran, kaunter pelanggan dan perkhidmatan pandu lalu - Pondok penjualan tiket dan kiosk - Kawasan laluan seperti lif, tangga dan lobi - Rumah sampah - Kawasan tumpuan/ fasiliti (gim, kolam renang, dewan) B. Reka bentuk - CCTV yang digunakan perlu mempunyai kamera berdefinisi tinggi, mempunyai keupayaan untuk <i>zoom</i> secara jelas, serta mempunyai keupayaan untuk penglihatan malam (<i>Night Vision</i>) C. Syarat pemasangan - Bangunan sedia ada - Setiap premis perniagaan disyaratkan untuk menyediakan CCTV semasa pembaharuan lesen perniagaan dan pemasangan CCTV mengikut spesifikasi yang ditetapkan - Premis perniagaan yang mempunyai laluan pejalan kaki/ kaki lima (<i>common area</i>) perlu dipasang CCTV dan pemasangan CCTV hendaklah dikongsi bersama oleh unit-unit premis perniagaan tersebut - Pembangunan baharu - Mengenakan syarat pemasangan CCTV pada premis dan tempat awam - Sistem pemasangan CCTV perlu mengambil kira pengintegrasian dengan sistem yang sedia ada D. Jarak antara CCTV - Spesifikasi/ kualiti CCTV jelas waktu siang dan terutamanya waktu malam. E. Papan tanda - Guna papan tanda pemberitahuan terdapat pemasangan CCTV di kawasan tersebut.


KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Panduan
5. Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) – Luar Bangunan	A. Tujuan utama - Fungsi pemasangan CCTV adalah untuk pemantauan penguatkuasaan, jenayah, kemalangan, aliran trafik dan banjir kilat B. Lokasi - Harta bersama (<i>common property</i>) — laluan utama skim strata - Laluan keluar masuk setiap blok - Di perimeter pagar - Lokasi pemasangan di laluan keluar masuk jalan-jalan utama - Kawasan siar kaki hadapan premis sebelum pembaharuan lesen perniagaan C. Jenis CCTV - Jenis CCTV yang telah diguna pakai oleh MDKpr jenis <i>Artificial Intelligence</i> (Ai) - Model PTZ <i>Camera</i> dan <i>Fixed Camera</i>. D. Jarak antara CCTV - Spesifikasi/ kualiti CCTV jelas waktu siang dan terutamanya waktu malam E. Papan tanda - Guna papan tanda pemberitahuan terdapat pemasangan CCTV di kawasan tersebut F. Penyelenggaraan - Kaedah penyelenggaraan diselenggara oleh MDKpr selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan oleh pemaju dalam tempoh 1 tahun selepas CCC dikeluarkan - Penyambungan CCTV terus ke Pusat Kawalan Bandar Pintar MDKpr dan perlu dilaksanakan oleh pemohon
	 <i>Sumber: Lumi Bright Sdn Bhd.</i>
6. Sistem Penuaian Air Hujan (SPAHE)	A. Lokasi - Kawasan yang mudah diakses dan boleh diperiksa - Peletakan di bawah tanah tidak digalakkan B. Jenis - Sistem/ produk SPAHE yang ada kelulusan SIRIM atau setara yang disahkan semasa peringkat pemeriksaan oleh MDKpr sebagai syarat sokongan perakuan supaya ada jaminan tiada kacau ganggu semasa penggunaan - Keluasan bumbung sama atau melebihi 100 m2 C. Rujukan - Garis Panduan SPAHE UKBS 1984 (Pindaan 2011)



KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Panduan
7. Parkir Kereta Elektrik	A. Jenis - Minimum 2 unit pada setiap pembangunan (penyediaan adalah termasuk dalam kiraan TLK) B. Reka bentuk - Saiz 2.5 meter x 5.0 meter dan reka bentuk TLK 90° - Berhampiran dengan pintu masuk premis atau bangunan - Disediakan alat pengecas elektrik - Dilengkapi dengan CCTV dan kemudahan panggilan kecemasan bagi tujuan keselamatan - Tanda petak khas (<i>dedicated bay</i>) dan papan penunjuk sebagai TLK Elektrik - Keperluan penyediaan TLK Elektrik ini akan disemak semasa permohonan KM Pembinaan - Label TLK Elektrik perlu ditunjukkan di atas pelan lantai C. Rujukan - Garis Panduan Pengiraan Kadar Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi Kenderaan Elektrik, Jabatan Pengangkutan Jalan - Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB), PLANMalaysia (2023)




Parkir Kereta EV di Kompleks beli-belah, 1 Utama Petaling Jaya

Sumber: Laman Web Soya Cincau (2023)

KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Panduan
8. <i>Smart License Plate Recognition</i> (LPR)	A. Tujuan utama - Fungsi <i>Smart License Plate Recognition</i> (LPR) adalah untuk mengurangkan masa beratur dan sistem yang lebih efisien dalam mengendalikan tempat letak kenderaan B. Lokasi - Perlu disediakan di kawasan yang memiliki parkir kenderaan atau tempat letak kenderaan berpusat seperti tempat letak kenderaan di pasar raya dan institusi pengajian C. Reka bentuk - Penyediaan kemudahan ini melibatkan tiang penghadang automatik serta kamera bagi mengesan plat kenderaan yang hendak memasuki dan keluar dari tempat letak kenderaan. Terdapat 3 peranti penting untuk melaksanakan sistem ini iaitu: - Kamera LPR - Penghadang - Tempat Bayaran Kad/QR



Sumber: axiomtek.com.my



PANDUAN 5 Kampung Pintar

MS ISO37122:2019	11.3, 23.4
Indikator Bandar Pintar	44, 48
Tujuan	Menjadikan kampung di Kampar antara peneraju kampung pintar
Blueprint Perak	SL D2.4
Jenis Pembiayaan	1. Pembiayaan Awam 2. Perkongsian Awam-Swasta (PPP) 3. Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Jenis Kerjasama	1. <i>Build - Operate - Own</i> 2. Kontrak pengurusan
Matlamat	Goal 11: Sustainable Cities and Communities
Pembangunan Mampuan (SDGs)	


Agensi Peneraju	Agensi Sokongan
1. MDKpr (Jabatan Kejuruteraan)	1. Suruhanjaya Tenaga 2. Tenaga Nasional Berhad 3. Lembaga Air Perak 4. Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) 5. Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC)

JENIS PEMBANGUNAN

Jenis	Perincian
Disyaratkan	Di kawasan perkampungan

KOMPONEN DAN PERINCIAN PANDUAN

Komponen	Perincian Panduan
